

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya". (Hadis Riwayat Imam Muslim).



METODOLOGI DAKWAH TERUS DIPERKUKUH, DISESUAIKAN DALAM KURIKULUM ITQSHHB

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Rabu, 10 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan bersabda, kita perlu peka dengan perkembangan kemudahan teknologi digital yang semakin canggih dan maju terutamanya teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) atau AI yang kini menjadi salah satu 'alat bantu' yang diguna pakai secara meluas dalam pelbagai urusan kehidupan seharian.

Namun, sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, di sebalik kepesatan teknologi AI mendominasi setiap aspek kehidupan, kegunaannya perlu terus dikawal dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab agar tidak disalahgunakan atau dipergunakan sebagai alat untuk memanipulasi minda masyarakat.

Dalam hubungan ini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, di sebalik kepesatan teknologi AI mendominasi setiap aspek kehidupan, kegunaannya perlu terus dikawal dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab agar tidak disalahgunakan atau dipergunakan sebagai alat untuk memanipulasi minda masyarakat.

"Perkembangan dan kepesatan teknologi menggunakan AI adalah seumpama 'penghijrahan' yang kini kita alami dalam kehidupan seharian. Meskipun perkara ini diambil positif, namun harus diingat jika AI disalahgunakan oleh mana-mana pihak, ianya boleh menjadi ibarat 'virus' yang merebak secara dalaman yang boleh meracuni pemikiran dan mengelirukan minda kita serta boleh memesongkan akidah seseorang".

>> Muka 2



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Ke-13 Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

Berita Utama



AMMTC : Platform pertukaran pandangan tangani isu jenayah rentas sempadan
Muka 10



MENG GALAKKAN penghayatan, pengamalan Surah Al-Fatihah dalam kehidupan seharian
Muka 13



RUANG sensori SRDM dirasmikan
Muka 18



RENCANA
ANAK pelengkap hidup ibu bapa
Muka 27

BYLC 2025 memperkasa belia menjadi pemimpin masa depan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Khamis, 11 September. - Brunei Young Leaders Convention (BYLC) 2025 menutup tirainya petang tadi dengan memberi penekanan kepada tonggak kedua Wawasan Brunei 2035: Kualiti Hidup yang Tinggi.

Acara yang diadakan di Cesar Grand Hall, Hotel Mulia, Anggerik Desa dimulakan dengan forum oleh Dinamik Technologies, yang menekankan peranan transformasi digital dan teknologi dalam meningkatkan kesejahteraan negara serta pembangunan masyarakat.

>> Muka 8

Graduan ITQSHHB jadi contoh teladan, pemberi cahaya ummah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 September. - Para graduan bukan sahaja menghafaz, tetapi juga pendidik, penyampai dan contoh teladan kepada masyarakat. Kongsikan ilmu yang telah diperolehi dengan penuh ikhlas dan hikmah, supaya keberkatan Al-Quran turut dirasakan oleh orang lain.

Semoga para graduan terus istiqamah

menuntut ilmu, sama ada dalam bidang Al-Quran, syariah, bahasa Arab, mahupun ilmu-ilmu lain yang bermanfaat.

Dengan demikian, para graduan akan mampu menyumbang kepada agama, bangsa dan negara serta menjadi insan yang memberi cahaya kepada ummah.

>> Muka 6

BICTA 2025 ketengahkan inovasi, kreativiti ICT

Oleh : Haniza Abdul Latif

JERUDONG, Khamis, 11 September. - Sejak diperkenalkan pada tahun 2004, Anugerah ICT Brunei (BICTA) telah menjadi wadah penting dalam menggalakkan persaingan

sihat serta inovasi ICT dalam kalangan individu, pelajar dan juga organisasi sama ada daripada sektor awam mahupun swasta.

>> Muka 7

>> Muka 1

"Justeru, pada hemat saya, pendedahan dan pembelajaran mengenai metodologi dakwah yang terbukti adalah penting untuk terus diperkukuh serta disesuaikan dalam kurikulum Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

"Harapan kita, graduan lepasan Institut Tahfiz untuk seterusnya mampu mengambil peranan penting selaku generasi penerus kepada pendakwah dan da'ie yang berdaya maju," sabda Duli Yang Teramat Mulia pada Majlis Hafut Takharrij ITQSHHB Kali Ke-13 Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Terdahulu, dalam sabda DYT, mengucapakan setinggi tahniah kepada 27 graduan yang menamatkan pengajian dan akan menerima syahadah Diploma 'Aliyah Qira'at sebagai pengiktirafan dan mercu kejayaan masing-masing.

Sabda DYT, sesungguhnya pencapaian ini amatlah bermakna sebagai manifestasi hasil ketekunan dan kegigihan para graduan mengharungi program pengajian selama tiga tahun.

"Kejayaan ini adalah juga berkat iringan doa restu, sokongan padu serta suntikan semangat untuk terus maju jaya semua pihak berkepentingan ke arah mempersiapkan barisan huffaz *purih* bangsa Brunei dalam bersama-sama menanai tanggungjawab Fardu Kifayah bagi

menyerlahkan syiar Islamiah di bumi bertuah Darussalam tercinta ini," sabda DYT.

DYT bersabda, sesungguhnya segala usaha dan pengorbanan semua pihak dalam bersama-sama membentuk sahsiah para graduan adalah seiring dengan hasrat murni Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi memartabatkan kesucian Al-Quran dan menjadikan negara ini Negara Zikir.

Sabda DYT lagi, ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua semata-mata dipanjatkan doa agar mereka dikurniakan ganjaran yang sebaik-baiknya serta keberkahan-Nya kepada Negara Brunei Darussalam.

"Alhamdulillah, selain modul Al-Quran dan Qira'at, saya mengambil maklum bahawa para graduan juga diberikan pelbagai kemahiran insaniah meliputi kepimpinan, komunikasi, keusahawanan dan kemasyarakatan sebagai menambah nilai khazanah ilmu kehidupan yang bermanfaat," sabda DYT.

DYT bersabda, kurikulum Institut Tahfiz juga akan sentiasa diperkaya menjurus kepada melengkapkan diri para graduan selaku ahli masyarakat terpilih dan serba boleh dalam bersama-sama mendepani asam garam kehidupan era serba mencabar masa kini.

"Saya menyeru agar usaha untuk memantapkan ilmu masing-masing ke arah menegakkan syiar Islam seiring dengan prinsip Maqasid Syariah yang menyatukan ilmu

Metodologi dakwah terus diperkukuh, disesuaikan dalam kurikulum ITQSHHB

■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

duniawi dan nilai-nilai ukhrawi hendaklah terus diusaha dan diperkasakan," sabda DYT.

Oleh itu, sabda DYT lagi, perlu juga disedari peri mustahaknya mempelajari Al-Quran bukan hanya setakat menekuni cara membaca yang betul berserta tajwid, malahan cabang-cabang ilmu relevan berkaitan dengan Al-Quran juga perlu dipelajari bersungguh-sungguh. Antaranya adalah ilmu yang membahaskan kaedah penulisan Al-Quran, iaitu Ilmu Rasmul Quran.

Dengan adanya pengajian dan pendedahan berkaitan ilmu-ilmu dimaksudkan, sabda DYT, para pelajar berpeluang untuk lebih mendalami ilmu Al-Quran dari pelbagai sudut serta bermanfaat kepada usaha sejagat untuk khususnya memelihara keaslian dan keseragaman bacaan Al-Quran.

Sabda DYT lagi, pembinaan kemahirannya akan dapat mengelakkan sebarang bentuk perubahan khasnya dalam sebutan tertentu dan kaedah ejaannya.

DYT bersabda, perkara ini adalah selaras dengan titah saranan Kebawah DYMM pada Majlis

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa bagi Tahun 1446 Hijrah :

"Adalah baik bagi agensi-agensi yang berkaitan memperkembangkan lagi garis panduan yang sedia ada dengan mewujudkan satu akta khas penerbitan, pencetakan dan pemuliharaan mushaf Al-Quran bagi Negara Brunei Darussalam akan dapat dimanfaatkan dalam memastikan setiap mushaf yang akan diguna pakai itu memenuhi kaedah Rasam Uthmani yang diiktiraf di peringkat antarabangsa".

Pada hemat DYT, di sinilah keperluannya bagi para huffaz hasil keluaran ITQSHHB, khususnya para graduan yang mendalami ilmu Qira'at dan Rasam Uthmani, selaku barisan generasi yang memiliki kelayakan untuk selanjutnya menggalas dan menanai tugas mulia ini.

"Tanggungjawab seumpamanya adalah relevan kepada usaha sejagat untuk memelihara kemampuhan, kehormatan serta keluhuran Kalamullah yang agung.

"Atas dasar tersebut, usaha untuk menjaga Al-Quran secara penulisan, penerbitan dan

percetakan tidak boleh diambil ringan. Ia perlu diurus secara serius dengan penuh *titih* dan *lutan* khasnya oleh mereka yang berkemahiran tinggi sebagai tanggungjawab fardu kifayah dan wadah ketaatan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala," sabda DYT.

Akhir kata, DYT bersabda sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan termasuk merakamkan penghargaan kepada sumbangan dan sokongan berterusan ibu bapa, penjaga, termasuk peranan tenaga pengajar, mualim-mualimah serta seluruh warga ITQSHHB dalam bersama-sama membentuk sahsiah dan jati diri para huffaz.

DYT juga bersabda mengucapkan terima kasih juga di atas usaha semua pihak relevan terdiri daripada Ahli Lembaga Institut, Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi serta Jawatankuasa Kerja dalam menayakan Majlis Hafut Takharrij ini dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala membalas segala usaha dan bakti semua pihak yang berkenaan dengan balasan yang sebaik-baiknya.



WAKTU SEMBAHYANG

SEPTEMBER MASIHI	HARI	RABIULAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	SABTU	20	4.44	4.54	6.12	6.34	12.17	3.19	6.21	7.30
14	AHAD	21	4.44	4.54	6.11	6.34	12.17	3.19	6.20	7.30
15	ISNIN	22	4.44	4.54	6.11	6.33	12.17	3.20	6.20	7.29
16	SELASA	23	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28
17	RABU	24	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28
18	KHAMIS	25	4.43	4.53	6.11	6.33	12.16	3.20	6.18	7.27
19	JUMAAT	26	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.18	7.27

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU		AHAD		ISNIN	
Bandar Seri Begawan	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C
Pekan Bangar	29 24 °C	30 23 °C	29 23 °C	29 23 °C	29 23 °C
Pekan Tutong	29 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C
Kuala Belait	29 23 °C	30 23 °C	30 23 °C	30 23 °C	30 23 °C

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 13 SEPTEMBER 2025

Guru inspirasi kehidupan, pencorak masa depan

GURU merupakan seorang pendidik yang bertanggungjawab menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran serta membimbing murid atau pelajar ke arah pembentukan sahsiah, akhlak dan masa depan yang lebih baik. Mereka memainkan peranan penting dalam kehidupan setiap manusia kerana guru merupakan pendidik kedua dalam membentuk akhlak asas seorang insan setelah ibu dan bapa.

Di samping itu, guru adalah penyumbang kepada kualiti pendidikan dan pemangkin kepada produktiviti tenaga sumber manusia di negara ini. Oleh itu, guru perlulah sentiasa memiliki dan menguasai ilmu yang melangkaui dalam pelbagai bidang bagi sama-sama memainkan peranan ke arah mencapai sasaran matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya dengan mencapai taraf antarabangsa yang tertinggi.

Selain itu, pembangunan modal insan yang holistik akan melahirkan insan berwawasan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berkeperibadian mulia, berpengetahuan, berkemahiran tinggi, produktif, inovatif, berdaya saing, sentiasa peka dan jiwa yang penuh takwa yang diperlukan bagi memenuhi hasrat negara.

Dalam menghadapi era perkembangan pendidikan masa kini dan seiring dengan perkembangan dunia teknologi bukan hanya mencabar peradaban bangsa bahkan dalam konteks dunia pendidikan. Ia juga sedikit sebanyak menimbulkan kesan kepada kewibawaan dan kredibiliti setiap guru.

Oleh itu, guru perlu menjadi pemacu motivasi dan inspirasi sehingga terbentuknya modal insan yang produktif, progresif dan siap siaga untuk merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035. Maka segala keringat dan bakti para guru wajar dihargai kerana segala khidmat bakti guru terhadap kemajuan pendidikan insan adalah sangat besar nilainya.

Sehubungan dengan itu, bagi memperingati dan menghargai sumbangan jasa guru, 23 September setiap tahun merupakan tarikh istimewa buat guru di negara ini. Sambutan Hari Guru yang diraikan setiap tahun bagi mengambil sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien sebagai mengenang jasa bakti Al-Marhum terhadap kemajuan pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Sambutan Hari Guru turut diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis berkenaan, Anugerah Hari Guru disampaikan sebagai tanda penghargaan atas usaha para guru, sekali gus berfungsi sebagai pendorong untuk mereka terus berusaha dan mencapai kecemerlangan dalam tugas kerja mereka di samping sebagai motivasi, bukan sahaja kepada penerima anugerah tetapi juga kepada guru-guru lain untuk meningkatkan usaha dan komitmen mereka dalam tugas seharian.

Kesimpulannya, guru sangat besar jasanya kepada masyarakat dan negara. Mereka menjadi inspirasi kehidupan serta pencorak masa depan. Kita wajar menghargai pengorbanan guru dan mendoakan kesejahteraan mereka. – **Ketua Penyuntingan (Sb)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلّس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

HAFLUT TAKHARRUJ ITQSHHB KE-13 RAIKAN 27 GRADUAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat ke Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Kali Ke-13 Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (kiri dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Rabu, 10 September.
- Penganugerahan Diploma 'Aliyah Qira'at Al-Quran kepada para graduan Institut Tahfiz

Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) adalah sebagai pengiktirafan atas kejayaan para siswa-siswi khusus

dalam bidang Hafazan Al-Quran dan ilmu Qira'at.

Sehubungan itu, seramai 27 graduan ITQSHHB menerima Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at mereka pada Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-13 ITQSHHB yang berlangsung di Dewan

Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Berangkat menyempurnakan penganugerahan Syahadah Diploma 'Aliyah Qira'at tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji

Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Lembaga ITQSHHB; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Haflut Takharruj ITQSHHB dan Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Zul Husni bin Sulaiman.

Majlis dimulakan dengan Persembahan Hafazan Ayat-ayat Suci Al-Quran, Surah Al-Hujurat, ayat 13 hingga ayat 15 dengan Riwayat Qolun dan Warsh dari Imam Nafi', Riwayat As-Susi dari Imam Abu 'Amru, bacaan Imam Hamzah dan bacaan Imam Al-Kisaie, yang dibacakan oleh Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin dan Awang Naufal Darwisy bin Abdullah, sementara inti sari ayat disampaikan oleh Awang Ahmad Hamizan@ Ahmad Aliridha bin Haji Laidin.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan pengurniaan penganugerahan Syahadah Diploma 'Aliyah Qira'at kepada para graduan (kiri dan kanan).



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya (atas), manakala gambar kiri, bacaan Sayyidul Istighfar dikumandangkan oleh kumpulan siswa Tahun Satu Diploma 'Aliyah Qira'at.

>> Muka 4



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.



PERSEMBAHAN Hafazan Ayat-ayat Suci Al-Quran (kiri), manakala gambar tengah dan kanan, antara yang menghadiri majlis berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar kenangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Hafut Takharrij ITQSHHB Kali Ke-13 serta graduan yang diraikan.

>> Muka 3

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya, antara lain menyebarkan, dengan lulus pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qira'at mereka adalah menjadi sebahagian daripada seramai 268 orang graduan yang telah lulus pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qira'at sejak ia diperkenalkan 15 tahun yang lalu, dan graduan-graduannya itu merupakan huffaz iaitu mereka yang hafaz 30 Juz Al-Quran dan berkelulusan yang setaraf dengan Diploma Kebangsaan (National

Diploma).

Tambah Yang Berhormat, daripada sejumlah 268 orang itu bermula dari tahun 2016 hingga ke tahun 2025 ini ada seramai 82 orang adalah penerima Ijazah Khas Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), yang diperakukan oleh Jawatankuasa Tasme' Kebangsaan.

Jelas Yang Berhormat lagi, adalah sangat menarik bahawa dari seramai 27 graduan hari ini 25 orang akan menyambung pelajaran, 17 ke Syubra, Mesir termasuk seorang penerima Sultan's Scholar dan seorang

masuk ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), tujuh orang ke UNISSA, yang meneruskan keluar negeri lima orang antaranya adalah penerima biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama, sementara itu seorang lagi memilih menyertai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai rekrut.

"Sesungguhnya, pengajian di ITQSHHB akan terus meningkat dan berkembang. Bermula pada tahun hadapan ia akan melahirkan graduan yang kelulusannya bertaraf Diploma Tertinggi Kebangsaan dengan penaiktarafan pengajian Diploma 'Aliyah Qira'at menjadi Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at sejak tahun 2023, dua tahun yang lalu," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, dengan penaiktarafan pengajiannya itu mengukuhkan lagi statusnya sebagai Institut Tahfiz yang diiktiraf sebagai Ma'had Tahfiz Al-Quran Mithali (yang ideal) dan telah menerima anugerah berprestij tinggi bidang pengajian hafazan Al-Quran iaitu Anugerah Antarabangsa His Majesty King Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud.

Pengiktirafan itu terang Yang Berhormat, menjadikannya mercu tanda pengajian hafazan Al-Quran di negara ini, iaitu pengajian yang bersistem,

bermutu tinggi dan penubuhannya telah mendatangkan impak positif kepada masyarakatnya.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota juga berkenan mengurniakan sabda, dan setelah itu berkenan menyempurnakan pengurniaan penganugerahan Diploma 'Aliyah Qira'at kepada 27 orang graduan, iaitu 19 orang siswa dan lapan orang siswi ITQSHHB.

Pengurniaan Syahadah Diploma 'Aliyah Qira'at kali ini terdiri daripada 10 orang penerima pangkat Mumtaz (Cemerlang); sembilan orang penerima pangkat Jayyid Jiddan (Sangat Baik); dua orang penerima pangkat Jayyid (Baik); dan enam orang penerima pangkat Maqbul (Lulus).

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada wakil graduan Diploma 'Aliyah Qira'at, Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh, dan seterusnya bacaan Sayyidul Istighfar dikumandangkan oleh kumpulan siswa Tahun Satu Diploma 'Aliyah Qira'at.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Sebelum berangkat

meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar kenangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Hafut Takharrij ITQSHHB Kali Ke-13 serta graduan yang diraikan.

Hafut Takharrij ini diadakan adalah bagi meraikan graduan Diploma 'Aliyah Qira'at dan sekali gus merealisasikan visi institut berkenaan sebagai sebuah institusi tahfiz dan perkembangan Al-Quran yang terunggul di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Penubuhan ITQSHHB adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-46 pada 15 Julai 1992.

Pada hari Jumaat, 8 Rejab 1413H bersamaan 1 Januari 1993M, ITQSHHB secara rasminya ditubuhkan dengan pengambilan pertamanya seramai 45 pelajar pertama.

ITQSHHB merupakan sebuah institusi Pengajian Tahfiz Al-Quran di peringkat diploma, peringkat menengah dan pengajian hafazan bagi orang awam dan pengajian hafazan bagi orang berkeperluan khas (orang kurang upaya penglihatan) yang menggabungkan hafazan Al-Quran dan ilmu-ilmu Al-Quran sebagai dasar di samping mata pelajaran yang lain.

Pada bulan Ogos 2010, ITQSHHB maju setapak lagi dengan penubuhan Program Diploma 'Aliyah Qira'at, dan sehingga kini, ITQSHHB telah pun melahirkan seramai 268 orang graduan Diploma 'Aliyah Qira'at dari tahun 2014 hingga sekarang.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah (atas). Manakala gambar-gambar di bawah, antara graduan yang diraikan.



MAJLIS KEAGAMAAN SEMPENA PUJA USIA KOMANDAN POLIS WANITA, PPDB



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berkenan berangkat ke Majlis Keagamaan sempena Sambutan Hari Puja Usia Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (kiri dan kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), berkenan berangkat ke Majlis Keagamaan sempena Sambutan Hari Puja Usia Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, di Dewan Bankuet, Mes PPDB.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Penolong Pesuruhjaya Polis, Hajah Masni binti Haji Jamil bersama Pegawai-pegawai Polis Wanita PPDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, disusuli

Ceramah Khas bertajuk 'Amanah dan Ibadah: Mencari Keberkatan Dalam Tugas Harian' yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan.

Ceramah Khas yang disampaikan memberikan pencerahan bahawa tugas harian bukan sekadar tanggungjawab profesional tetapi juga satu bentuk ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui empat sifat agung Baginda - siddiq, amanah, tabligh dan fatanah - ia menekankan kepentingan integriti, profesionalisme dan kebijaksanaan dalam melaksanakan amanah.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Selain itu, para hadirin turut diajak untuk melihat pekerjaan sebagai jalan menuju keredaan Ilahi melalui niat yang ikhlas, etika kerja yang bersih serta amalan zikir yang menyuburkan jiwa.

Ceramah juga mengimbau kisah kesederhanaan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pengajaran bahawa kekuatan sebenar seorang pemimpin bukan terletak pada kuasa, tetapi pada hati yang tunduk kepada Tuhan.

Doa Khas turut dibacakan sempena memperingati Hari Puja Usia Yang Teramat Mulia.

Seramai 200 anggota Polis

Wanita, merangkumi pegawai dan anggota berpangkat rendah dari pelbagai jabatan, formasi serta daerah polis di seluruh negara menghadiri majlis berkenaan.

Penganjuran majlis ini menjadi wadah untuk merafakkan kesyukuran serta doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar melimpahkan kurnia kesihatan, umur yang panjang serta kesejahteraan kepada Yang Teramat Mulia Komandan Polis Wanita dan seluruh kerabat diraja.

Majlis ini diharapkan menjadi inspirasi serta pembakar semangat kepada seluruh warga



CERAMAH Khas disampaikan oleh Timbalan Pengarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan.

PPDB untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi, sekali gus menjadi pemimpin yang dihormati dan dirahmati.

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat anjurkan Sambutan Maulud Nabi

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi (kanan). Manakala gambar atas, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 September. - Jabatan Majlis - Majlis Mesyuarat, mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Dewan Majlis.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN),

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Huraiah, serta para pegawai dan kakitangan



Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Meraih Barakah Melalui Sunnah Rasulullah' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar.

Ceramah tersebut antara

lain mengongsikan kelebihan mengamalkan sunnah-sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan seharian sebagai jalan memperoleh keberkatan, ganjaran pahala dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir Syarafil Anam oleh pegawai dan kakitangan

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis ini bertujuan untuk memperingati dan menghayati sirah serta perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping memupuk rasa cinta kepada Baginda serta mempererat silaturahim dalam kalangan warga jabatan.

GRADUAN ITQSHHB JADI CONTOH TELADAN, PEMBERI CAHAYA UMMAH

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Perkara berkenaan ditekankan oleh Pemangku Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Zul Husni bin Haji Sulaiman dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Haflut Takharruj Kali Ke-13 ITQSHHB bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong di sini.

Awang Zul Husni seterusnya mengingatkan bahawa Al-Quran bukan sekadar untuk dihafaz dan dibaca, bahkan ia adalah pedoman hidup yang perlu dihayati dan direnung sehingga meresap makna ayat Al-Quran itu ke dalam hati dan diamalkan dalam setiap aspek kehidupan.

"Jadilah insan yang bukan sahaja mahir dalam Qira'at dan bacaan, tetapi juga berakhlak mulia, berjiwa hamba dan sentiasa menjadi contoh teladan kepada masyarakat.

"Jagalah hafazan dengan

istiqamah *muroja'ah* kerana Al-Quran itu sifatnya cepat hilang daripada ingatan jika tidak dijaga.

"Jadikanlah bacaan Al-Quran sebagai teman setiap waktu, sumber kekuatan jiwa, penenang hati, dan panduan hidup," tegasnya.

Terdahulu, Pemangku Pengetua ITQSHHB menyatakan bahawa majlis berkenaan adalah bagi meraikan kejayaan para graduan Diploma 'Aliyah Qira'at.

Sesungguhnya tambahnya lagi, kejayaan berkenaan bukan sahaja hasil usaha gigih dan kesungguhan para graduan, bahkan ia juga adalah berkat doa, sokongan serta pengorbanan daripada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Kejayaan pada kali ini katanya, bukanlah pintu penamat, sebaliknya ia adalah pintu permulaan kepada perjalanan yang lebih besar dalam menunaikan amanah ilmu.

Ilmu Al-Quran yang telah dipelajari tegasnya lagi, hendaklah dijaga, diamalkan dan disebarkan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima.

dengan penuh ikhlas demi mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang juga selaku Pengerusi Lembaga ITQSHHB.

Dalam majlis berkenaan, Yang Berhormat juga menyampaikan hadiah Anugerah Cemerlang Diploma 'Aliyah Qira'at dan diteruskan sijil penghargaan kepada para penaja dan Ahli Jawatankuasa Haflut Takharruj Kali Ke-13 ITQSHHB.

Anugerah Pengerusi Lembaga ITQSHHB kepada Awang Muhammad Mughni bin Haji



Mohd. Salleh; Anugerah Timbalan Pengerusi Lembaga ITQSHHB kepada Awang Ahmad Hamizan @Ahmad Aliridha bin Haji Laidin; dan Anugerah Pengerusi Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan ITQSHHB kepada Dayangku Maisarah binti Pengiran Kamarulzaman.

Ketiga-tiga mereka juga merupakan penerima bagi Anugerah Kecemerlangan Ilmu Qira'at.

Manakala

Anugerah

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan ITQSHHB diberikan kepada Awang Ahmad Soleh Ibrahim bin Haji Aminorrashid; sementara Anugerah Pengetua ITQSHHB pula diberikan kepada Awang Muhammad Izzat Darwish bin Mursidi dan Awang Muhammad Kasyful Nurhilman bin Eddy Eswaddi.

Sementara itu, Dayang Syafiqah Aaliya binti Haji Sufri pula menerima Anugerah Cemerlang Dakwah, manakala Anugerah Kecemerlangan Hafazan Al-Quran masing-masing diberikan kepada Awang Mohamed Norizyan Auni bin Haji Noriswandy, Dayang Nor Syasya Syazwina binti Abdullah@Haji Mohd. Hairin, dan Awang Mohammad Azri Akmal bin Mohammad Irwan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Haflut Takharruj Kali Ke-13 ITQSHHB; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan jemputan-jemputan khas, para pegawai kanan, pensyarah serta guru dan juga graduan yang diraikan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bergambar ramai pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Haflut Takharruj Kali Ke-13 ITQSHHB bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 September. - Dalam memperingati lagi acara dan kegiatan bercorak keagamaan, Program Keagamaan Belia di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Program Rehlah Ilmiah, pagi tadi.

Program yang bertemakan 'Rasulullah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah, Warahmah' telah diadakan di Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer.

Hadir selaku tetamu ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Mohammad Zulhilmi bin Haji Omar Ali.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri; Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Bersama Majlis;

Dekatkan belia dengan kegiatan keagamaan



pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Hal Ehwal Masjid dan PDI; Ahli Jawatankuasa Takmir serta Muslimah Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer serta jemaah masjid berkenaan.

Program ini antara lain bertujuan mendekatkan belia dengan kegiatan keagamaan serta

menggalakkan aktiviti sihat agar mereka tidak terpengaruh dengan gejala tidak bermoral seperti penyalahgunaan dadah dan jenayah.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menanamkan jati diri melalui kecergasan fizikal dan mental, memupuk rasa kasih sayang, semangat kerjasama dan perpaduan sekali gus mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan peserta.

Acara program dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Kahfi beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Da'ie (SkiPPA), Urus Setia Program Keagamaan Belia, PDI, Awang Abdul Mu'iz bin Haji Jahair.

Seterusnya tazkirah bertajuk 'Rasulullah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah, Warahmah' disampaikan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa. Program



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu pada Program Rehlah Ilmiah (atas), manakala gambar atas kiri, tazkirah disampaikan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

turut diserikan dengan Bengkel Tahsin Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Belia Da'ie.

Penganjuran Program Rehlah Ilmiah ini adalah dengan kerjasama

Jabatan Hal Ehwal Masjid dan PDI, KHEU serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer.

BICTA 2025 KETENGAHKAN INOVASI, KREATIVITI ICT



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para pemenang dan penerima anugerah pada Majlis Anugerah ICT Brunei (BICTA) di Pusat Kesenian, Sekolah Antarabangsa Jerudong.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Bersama I Jawatankuasa Pandu BICTA 2025 semasa Majlis BICTA 2025 yang berlangsung di Pusat Kesenian, Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), di sini.

Tambahnya, kejayaan Negara Brunei Darussalam menganjurkan acara Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards 2024 pada tahun lalu turut menjadi satu pencapaian yang amat bermakna kerana bukan sahaja berjaya memperkukuhkan kedudukan negara di peringkat serantau, bahkan turut memberikan inspirasi untuk terus meningkatkan mutu penganjuran BICTA pada masa - masa mendatang.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri juga menjelaskan, para pemenang BICTA pada tahun ini berpeluang untuk menyertai BICTA 2026, iaitu Anugerah Penaung Diraja yang diadakan setiap dua tahun sekali.

Penyertaan ini tambahannya, memberi ruang untuk produk-produk yang telah memenangi anugerah, untuk diperkemas, ditambah baik, dan diperkayakan dengan ciri-ciri baharu agar lebih berdaya saing, dan seterusnya merebut peluang untuk meraih Trofi Penaung Diraja yang berprestij.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis BICTA 2025 ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir ialah Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee; dan Pengerusi InfoCom Brunei (IFB), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul

Latiff, selaku Pengerusi Bersama II Jawatankuasa Pandu BICTA 2025.

Majlis turut menyaksikan tayangan video bertajuk 'Catatan Perjalanan BICTA 2025', yang menampilkan kompilasi aktiviti BICTA sepanjang tahun dan pengalaman para peserta pertandingan BICTA.

Ini diikuti dengan pembentangan Laporan Hakim oleh Ketua Hakim BICTA 2025, Dr. Sophiana Chua binti Abdullah dan disusuli dengan penyampaian penghargaan kepada 41 panel hakim BICTA 2025 oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Kemuncak acara menyaksikan penyampaian hadiah-hadiah oleh tetamu kehormat kepada para pemenang dan penerima Merit BICTA 2025 dan penerima Anugerah Smart Nation.

Sebanyak 10 kategori dipertandingkan iaitu tujuh Kategori Utama termasuk Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Pengajian Tinggi, Perkhidmatan Pengguna dan Perniagaan, Khidmat Kemasyarakatan dan Keikutsertaan, Perindustrian, dan Awam dan Kerajaan; dan tiga Kategori Silang iaitu Pemula (Start-Up), Penyelidikan dan Perkembangan, dan Teknologi.

Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49, C3 dengan produk mereka 'The Bright Buddies 49' telah diumumkan pemenang bagi Kategori Sekolah Rendah dan menerima trofi, sijil serta hadiah wang tunai sebanyak BND1,000.

Sementara itu, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) dengan produk mereka 'EduMat' muncul sebagai pemenang bagi Kategori Sekolah Menengah, dan menerima trofi, sijil serta hadiah wang tunai sebanyak BND1,500.

MSPSBS juga diumumkan sebagai juara bagi Kategori Pengajian Tinggi dengan produk 'DualFarm A.I.' dan menerima sebuah trofi, sijil serta hadiah wang tunai berjumlah BND 2,000.

Manakala, DigiAgri dengan produk 'ChemBuddy Supreme+' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Perkhidmatan Masyarakat dan Keikutsertaan, dan menerima sebuah trofi, sijil serta hadiah wang tunai berjumlah BND5,000.

SPI BN Sdn. Bhd. dengan produk 'Ground Sensor Terminal for Satellite IoT Connectivity' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Perindustrian, dan menerima sebuah trofi, sijil serta hadiah wang tunai berjumlah BND5,000.

Tech4Horizon Enterprise dengan produk 'PsychoBoard' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Pemula, dan menerima sebuah trofi, sijil serta hadiah wang tunai berjumlah BND5,000. WilkGames dengan produk 'Tikus Tales' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Perkhidmatan Pengguna dan Perniagaan, dan menerima sebuah trofi, sijil serta hadiah wang tunai berjumlah BND5,000.

Bagi Kategori Teknologi pula, Avicenna dengan produk 'PAGE' diumumkan sebagai juara dan menerima sebuah trofi, sijil serta hadiah wang tunai berjumlah BND5,000.

Sementara itu, tidak ada pemenang bagi Kategori Awam dan Kerajaan; dan Kategori Penyelidikan dan Perkembangan.

BICTA 2025 juga mengetengahkan lima Anugerah Smart Nation, iaitu khusus bagi penyertaan yang tidak memenangi mana-mana kategori pertandingan tetapi telah memenuhi aspirasi 'Negara Pintar melalui Transformasi Digital' bagi meningkatkan kualiti hidup, perkhidmatan awam, pendidikan, keselamatan, mobiliti rakyat serta mencapai kelestarian alam sekitar melalui aplikasi dalam lima sektor tertentu, iaitu Pelancongan, Pertanian, Pembinaan, Logistik dan Pengangkutan, dan Pendidikan.

Sebanyak empat penerima diberikan Anugerah Smart Nation iaitu 360 GeoInfo Company

menerima dua anugerah masing-masing bagi Kategori Pelancongan dengan produk 'B-JAUR', dan Kategori Logistik dan Pengangkutan dengan produk 'PINTAR Smart Parking'.

Manakala AIQuatic Enterprise dengan produk 'AIQuatic AquaFeeder' menerima bagi sektor Pertanian; diikuti WilkGames dengan produk 'CashU' menerima bagi sektor Pendidikan. Para pemenang menerima plak dan sijil.

Sementara itu, tidak ada penerima Anugerah Smart Nation bagi sektor Pembinaan.

Sebanyak 180 penyertaan telah diterima, iaitu peningkatan sebanyak 13 peratus berbanding 159 penyertaan pada tahun lalu, dan daripada jumlah penyertaan tersebut, sebanyak 128 penyertaan telah disenarai pendek sebagai memenuhi kelayakan serta kriteria pertandingan BICTA, dan seterusnya dipilih untuk menjalani proses penghakiman.

Selain daripada memenangi hadiah wang tunai dan trofi, para pemenang dalam setiap kategori juga berpeluang untuk mewakili negara ke Anugerah Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) 2025 yang akan diadakan pada bulan Disember tahun ini di Republik

Rakyat China.

Anugerah APICTA merupakan pertandingan ICT di peringkat antarabangsa yang berprestij, disertai oleh 17 ahli ekonomi dari rantau Asia Pasifik.

Penyertaan NBD di dalam APICTA setakat ini telah meraih enam kemenangan dan 41 Anugerah Runner Up dan Merit.

Pada tahun lalu, negara ini telah berjaya meraih pencapaian membanggakan dengan merangkul 11 anugerah iaitu, dua kemenangan, satu 1st Runner-Up, lima 2nd Runner Up dan tiga Merit, sekali gus membuktikan keupayaan dan potensi produk tempatan untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

BICTA merupakan pertandingan ICT tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan kerjasama Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan IFB.

Pertandingan ini bertujuan untuk merangsang inovasi dan kreativiti ICT dalam kalangan individu, pelajar serta perusahaan tempatan. BICTA turut disokong oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menyaksikan pameran.

BYLC 2025 MEMPERKASA BELIA MENJADI PEMIMPIN MASA DEPAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan sijil penghargaan dan menyertai sesi bergambar ramai (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Ia diikuti dengan Forum 3: Kualiti Hidup yang Tinggi, membincangkan inisiatif dalam memperkukuhkan sektor kesihatan, pendidikan, pembangunan komuniti dan kesejahteraan awam secara menyeluruh.

Forum dikendalikan oleh Rakan Kongsi Perniagaan (Pemasaran) di Bank Islam Brunei Darussalam, Awang Zahirul Ghazi bin Haji Jomari, bersama ahli panel Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin; Pakar Sumber Manusia (Human Resource), Dayang Hajah Zainab binti Haji M.A. Omar; dan Ketua Pegawai Eksekutif, National Digital Payments Network (NDPX), Awang Hafiz bin Haslen.

Atur cara diteruskan dengan sesi Klinik Mentor yang memberi peluang untuk mendapatkan panduan terus daripada mentor-mentor berpengalaman.

Sesi tersebut membuka ruang bagi para belia untuk bertukar idea, mengajukan soalan, serta menerima nasihat yang bernilai

daripada pelbagai bidang kepakaran.

Pada sebelah petang pula, para peserta menampilkan 'Youth Pitching', iaitu pembentangan hasil cadangan dan penyelesaian yang dirangka sepanjang konvensyen bagi menangani cabaran-cabaran penting negara.

Konvensyen tersebut diakhiri dengan Majlis Penutup yang disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, menandakan kejayaan tiga hari program yang penuh berimpak dalam memperkasa belia sebagai pemimpin masa depan Negara Brunei Darussalam.

Kejayaan penganjuran BYLC 2025 berkenaan didukung oleh sokongan padu daripada Rakan Strategik iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Pejabat Wawasan Brunei, serta Dynamik Technologies.

Bagi tahun ini, Penaja Emas adalah Brunei Fertilizer Industries (BFI) dan Brunei Methanol Company (BMC) yang menunjukkan komitmen mereka



terhadap pembangunan kapasiti belia, pendidikan serta pembangunan mampan.

Rakan rasmi lain termasuk Karyadi (Rakan Platform), Imagine (Rakan Telekomunikasi), Mix Media (Rakan Pengiklanan), Iris Capture Production (Rakan Produksi), Poni Group (Rakan Pemasaran), Kimi (Rakan Logistik), Bulan Sabit Merah Brunei (Rakan Sokongan Pertolongan Cemas), serta Perusahaan WISA (Rakan Busana).

Menutup tirainya, BYLC 2025 sekali lagi membuktikan peranannya sebagai platform nasional utama yang menyatukan belia bersama agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat umum.

Sepanjang tiga hari, para peserta bukan sahaja memperoleh ilmu pengetahuan, berkongsi pengalaman dan membina rangkaian, malah turut menyumbangkan idea yang menyokong pencapaian Wawasan

Brunei 2035.

Untuk maklumat lanjut mengenai BYLC 2025, sila layari laman sesawang rasmi, www.bylconvention.com atau ikuti media sosial rasmi di Instagram dan TikTok @bylconvention.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berbual bersama para belia yang menyertai pameran.

Meningkatkan kepentingan pemuliharaan bahan perpustakaan



Siaran Akhbar dan Foto : Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Tutong

TUTONG, Jumaat, 12 September. - Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Daerah Tutong hari ini telah mengadakan Bengkel Pemuliharaan Bahan Perpustakaan bertempat di Bilik Bacaan Perkhidmatan Perpustakaan Kanak - kanak, Perpustakaan DBP, di sini.

Bengkel berkenaan disertai oleh kakitangan perpustakaan sekolah rendah dan menengah di Daerah Tutong.

Sementara, pembengkel terdiri daripada pegawai dan kakitangan

Unit Pemuliharaan Bahan, Perpustakaan DBP.

Antara tujuan bengkel berkenaan diadakan adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas pemuliharaan bahan dan cara-cara membuat penjilidan, memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari proses pemuliharaan bahan secara praktikal, dan meningkatkan tahap kesedaran dan penglibatan semua pihak tentang kepentingan pemuliharaan bahan perpustakaan.

Dengan adanya bengkel berkenaan diharap dapat memanjangkan jangka hayat bahan perpustakaan yang rosak melalui teknik pemuliharaan yang betul selain mengurangkan keperluan menggantikan bahan secara kerap, sekali gus menjimatkan kos operasi perpustakaan.

BENGKEL Pemuliharaan Bahan Perpustakaan disertai oleh kakitangan perpustakaan sekolah rendah dan menengah di Daerah Tutong.

Memelihara integriti, keberkesanan sistem keadilan jenayah

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 September. - Persidangan dan Mesyuarat Agung Persatuan Antarabangsa Pendakwa Raya (IAP) Ke-30 telah dianjurkan oleh Jabatan Peguam Negara Republik Singapura.

Acara ini telah menghimpunkan lebih 450 pendakwa raya daripada 90 buah negara, dengan memberikan tumpuan kepada perbincangan mengenai peranan pendakwa raya yang semakin berkembang dan pelbagai dalam menegakkan kedaulatan undang-undang serta memelihara integriti dan keberkesanan sistem keadilan jenayah.

Persidangan selama empat hari ini telah dihadiri oleh delegasi Pendakwa Raya Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diketuai oleh Peguam Negara selaku Pendakwa Raya, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib.

Penyertaan delegasi tersebut mencerminkan komitmen NBD yang berterusan terhadap dialog pendakwaan antarabangsa dan pembangunan kapasiti.

Majlis Pembukaan Persidangan telah dirasmikan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam.

Dalam ucapatama, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam mengambil maklum bahawa pendakwa raya di seluruh dunia kini berhadapan dengan cabaran yang semakin kompleks, khususnya peningkatan jenayah siber dan jenayah rentas sempadan, yang kedua-duanya didorong oleh kemajuan pesat dalam Artificial Intelligence (AI).

TYT Tharman Shanmugaratnam menambah bahawa penjenayah semakin kerap menggunakan AI untuk melakukan penipuan berskala besar serta bergantung pada mata wang kripto bagi menyembunyikan keuntungan haram mereka, dan dengan ini menjadikan permasalahan ini semakin meluas dan rumit.

Tema persidangan tahun ini, 'Pendakwa Raya Versatil dan Pentadbiran Keadilan Jenayah' yang mengetengahkan perbincangan mengenai peranan pendakwa raya yang versatil dalam



PERSIDANGAN dihadiri oleh delegasi Pendakwa Raya Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diketuai oleh Yang Berhormat Peguam Negara selaku Pendakwa Raya (atas dan kiri).

menangani trend-trend baharu seperti jenayah berasaskan AI; memupuk pengetahuan kepakaran yang mendalam, selari dengan kemahiran yang bersilang fungsi dan termasuk penggunaan AI bagi meningkatkan mutu khidmat pendakwaan serta mengukuhkan kepentingan kerjasama antarabangsa dengan perkhidmatan - perkhidmatan pendakwaan dan juga dengan badan - badan antarabangsa seperti IAP.

Semasa mesyuarat dua hala antara Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah dengan Peguam Negara Republik Singapura, TYT Lucien Wong, perbincangan telah menumpukan kepada pelbagai isu undang-undang bersama, serta komitmen bagi kedua-dua pihak memperkukuhkan kerjasama undang-undang dan memajukan keutamaan bersama dalam bidang pendakwaan.

Dalam salah satu Special Interest Sessions, Timbalan Pendakwa Raya, Dayang Hajah Rozaimah binti Haji Abd. Rahman telah menyampaikan pembentangan bertajuk 'Perlindungan Mangsa : Melindungi kesejahteraan mangsa dalam Prosiding Jenayah tanpa

menjejaskan usaha menegakkan keadilan' yang menekankan rangka kerja undang-undang dan prosedur yang sedia ada di NBD dalam memberikan perlindungan kepada mangsa.

IAP ialah sebuah organisasi bukan kerajaan dan satu-satunya rangkaian global khusus untuk pendakwa raya.

Keahliannya meliputi lebih daripada 170 organisasi terdiri daripada badan pendakwaan, persatuan profesional dan agensi

pengecayaan jenayah. Bersama ahli-ahli persendirian, IAP mewakili lebih daripada 250,000 pendakwa raya daripada 175 buah negara dan wilayah di seluruh dunia.

IAP komited untuk memberikan sokongan dan memperkasa pendakwa raya di seluruh dunia bagi menegakkan kedaulatan undang-undang dan meningkatkan pelaksanaan sepenuhnya piawaian kelakuan profesional antara pendakwa raya.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

MEMPERERAT PERSEFAHAMAN, PERTUKARAN BUDAYA NBD, JEPUN



Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

KOTA BATU, Rabu, 10 September. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama-sama Japan Foundation dan Muzium Teknologi Melayu menganjurkan Pameran Seni 'I Love Sushi' yang

dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula hari ini sehingga 5 Oktober 2025 bertempat di Muzium Teknologi Melayu, di sini.

Majlis perasmianya disempurnakan bersama oleh



Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka.

Pada tahun 2013, UNESCO telah mendaftarkan Washoku (masakan Jepun) dalam Senarai Warisan Budaya Tidak Ketara, dengan susyi sebagai contoh paling ikonik.

Pameran ini bertujuan untuk memperkenalkan sejarah dan daya tarikan susyi, salah satu makanan

MAJLIS Prasmian Pameran Seni 'I Love Sushi' disempurnakan bersama oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis serta Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (kiri sekali), manakala gambar kiri, tetamu kehormat menyaksikan pameran.

Jepun yang terkenal di seluruh dunia termasuk di NBD, serta menjadi platform untuk mempererat persefahaman dan pertukaran budaya antara Jepun dan NBD.

Antara yang ditampilkan semasa pameran ini ialah seni tradisional Jepun seperti cetakan kayu *ukiyo-e* yang menggambarkan kehidupan masyarakat biasa Senarai susyi pada abad ke-19, figura makanan laut, sampel makanan, video-video serta replika restoran susyi Jepun, semuanya menyerlahkan sejarah dan kebudayaan Jepun.

AMMTC : PLATFORM PERTUKARAN PANDANGAN TANGANI ISU JENAYAH RENTAS SEMPADAN

MELAKA, Khamis, 11 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Kali Ke-19 (AMMTC Kali Ke-19) yang berlangsung di Melaka, Malaysia pada 10 hingga 11 September 2025.

Majlis Pembukaan Mesyuarat AMMTC Kali Ke-19 telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 9 September 2025.

Delegasi NBD diketuai oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, dengan disertai oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad, selaku Ketua ASEAN Senior Officials' Meeting on Transnational Crime (SOMTC) - NBD; Pemangku Pengarah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) selaku Pengerusi mesyuarat '28th ASEAN Directors-General of Immigration Departments and Heads of Consular Affairs Divisions of Ministries of Foreign Affairs Meeting (DGICM) and Its Related Meetings' dan pegawai-pegawai kanan dari JPM dan JIPK.

Mesyuarat AMMTC dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan merupakan sebuah platform tahunan yang signifikan bagi Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab dalam hal ehwal jenayah rentas sempadan untuk membincangkan trend semasa aktiviti jenayah serta situasi keselamatan serantau.

Mesyuarat berkenaan turut menjadi medan untuk pertukaran pandangan mengenai langkah-langkah strategik dan amalan terbaik dalam usaha menangani pelbagai isu jenayah rentas sempadan yang semakin kompleks.

Mesyuarat didahului dengan mesyuarat Preparatory SOMTC yang diadakan pada 9 September 2025. Pada Sidang Plenari



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa menyertai Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Kali Ke-19 (AMMTC Kali Ke-19) yang berlangsung di Melaka, Malaysia pada 10 hingga 11 September 2025.

AMMTC Kali Ke-19 pada 10 September 2025, Timbalan Menteri di JPM telah menyampaikan Kenyataan Negara (Country Statement) mengenai usaha-usaha NBD dalam membanteras dan menangani kegiatan-kegiatan jenayah rentas sempadan termasuk Perdagangan Orang (Trafficking in Persons - TIP) dan Penyeludupan Manusia; serta Jenayah Siber dan Penipuan Dalam Talian dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI).

Di antara lain, Timbalan Menteri di JPM telah mengongsikan mengenai sabitan pertama NBD dalam kes TIP pada 11 Ogos 2025, di atas kesalahan perdagangan buruh di bawah Perintah Perdagangan dan Penyeludupan Orang.

Kes berkenaan melibatkan seorang warganegara Bangladesh yang didapati telah merekrut enam orang rakan senegarannya melalui penipuan bagi tujuan eksploitasi buruh paksa. Usaha yang dijalankan oleh negara penerima sahaja adalah tidak mencukupi untuk membanteras TIP. Negara asal juga perlu

memainkan peranan dengan melaksanakan prosedur saringan bagi memastikan rakyat mereka tidak menjadi mangsa perdagangan buruh.

Sementara itu, Timbalan Menteri di JPM juga mengongsikan mengenai trend peningkatan jenayah siber, khususnya penipuan dalam talian yang dihadapi oleh NBD. Beliau juga menekankan tentang peningkatan penggunaan teknologi seperti AI sebagai modus operandi penjenayah siber.

Seterusnya pada 11 September 2025, AMMTC juga telah mengadakan konsultasi dengan Negara-negara Rakan Dialog ASEAN, iaitu konsultasi AMMTC + 3 Kali Ke-15; AMMTC + Republik Rakyat China Kali Ke-12; AMMTC + Jepun Kali Ke-10; dan AMMTC + Republik Korea Kali Ke-6.

Dalam sesi-sesi konsultasi berkenaan, Timbalan Menteri di JPM telah menyuarakan komitmen teguh NBD untuk terus memperkukuh lagi kerjasama dengan Negara-negara Rakan Dialog ASEAN dalam usaha memelihara keamanan dan kestabilan serantau.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

Beliau turut menyampaikan penghargaan kepada Negara-negara Rakan Dialog ASEAN atas segala bentuk sokongan dan kerjasama yang telah dihulurkan dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan secara bersepadu dan berkesan.

Mesyuarat juga telah mengesahkan dan diterima pakai sebanyak 13 dokumen, iaitu Adopted the ASEAN Plan of Action in Combatting Transnational Crime (2026-2035); Adopted the Establishment of the SOMTC Working Group on Money Laundering; Adoption of the ASEAN Border Management Cooperation Roadmap; Adopted the Melaka Declaration on Combatting Transnational Crime; Adopted the ASEAN Declaration on Countering People Smuggling in Southeast Asia; Adopted the ASEAN Declaration Combatting Cybercrime and Online Scam; Endorsed the ASEAN Leaders' Declaration on Combatting Money Laundering; Endorsed the ASEAN Leaders' Declaration on Enhanced Cooperation in Locating and Arresting Criminal

Fugitives; Endorsed the ASEAN Leaders' Declaration on the Use of Sports for Preventing Violent Extremism; Adopted the Joint Statement of the 19th AMMTC; Adopted the Joint Statement of the 15th AMMTC + 3 Consultation; Adopted the Joint Statement of the 12th AMMTC + Republic of China Consultation; Adopted the Joint Statement of the 10th AMMTC + Japan Consultation; dan Adopted the Joint Statement of the 6th AMMTC + Republic of Korea Consultation.

Mesyuarat AMMTC Kali Ke-19 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan telah dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri, Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, selaku Ketua AMMTC - Malaysia, yang disertai oleh menteri-menteri, ketua - ketua delegasi dan pegawai-pegawai kanan dari Negara-negara ASEAN, Republik Demokratik Timor Leste dan Rakan Dialog ASEAN.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dr. Kao Kim Hourn.

Memastikan syarikat perniagaan patuh Cukai Pendapatan Korporat

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 September. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui Bahagian Hasil telah mengadakan Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat pada hari ini yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, MOFE.

Sesi berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman kepada syarikat - syarikat perniagaan mengenai skop percukaian di negara ini di samping untuk meningkatkan kesedaran terhadap obligasi dan tanggungjawab syarikat-syarikat perniagaan ke atas pematuan Cukai Pendapatan Korporat.

Dalam taklimat berkenaan, pegawai dari Bahagian Hasil telah menjelaskan secara menyeluruh

antaranya tentang asas penaksiran cukai, pematuan untuk pemfailan penyata cukai dan perkiraan cukai, selaras dengan Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.

Sesi pembarigaan berkenaan adalah salah satu usaha berterusan MOFE dalam memperkukuh lagi tahap pematuan cukai dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan cukai korporat kepada orang ramai terutama dalam kalangan pembayar cukai di negara ini.

SESI Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



PAMERAN KERJAYA UBD 2025 : MENEROKA PELUANG DALAM PELBAGAI INDUSTRI



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan yang juga selaku Ahli Majlis Universiti Brunei Darussalam semasa hadir pada Pameran Kerjaya UBD 2025.

Satu lagi kemuncak acara ialah pelancaran laman 'UniCareer', sebuah hab kerjaya UBD yang menyediakan pelbagai sumber kerjaya, direktori kekosongan kerja di dalam dan luar negara, serta bengkel kerjaya untuk membantu pelajar dan alumni membina kerjaya mereka.

Laman sesawang IEED yang baharu berkenaan turut memperkenalkan 'Tech Marketplace', sebuah platform yang mempamerkan teknologi terkini UBD yang sedia untuk dikomersialkan, memberikan peluang kepada rakan industri dan usahawan untuk meneroka penyelesaian inovatif bagi pembangunan masa hadapan.

Majlis perasmian juga diserikan dengan ceramah motivasi yang disampaikan oleh Jensen Siaw, seorang penceramah motivasi global dan penulis buku 'Change Your Inner Cards, Win the Outer Game'.

Sebagai Ketua Motivator dan Ketua Pegawai Eksekutif Jensen Siaw International, beliau pakar dalam membantu pemimpin dan profesional jualan mencapai produktiviti lebih tinggi dan keputusan yang lebih cemerlang.

Dikenali dengan kebolehannya mengubah cara pemikiran audiens, beliau berkongsi pengalaman melatih eksekutif kanan, pegawai tentera, dan profesional daripada

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

pelbagai industri.

Pameran Kerjaya edisi ke-10 acara tahunan berkenaan menampilkan penyertaan daripada sektor awam dan swasta. Dari 11 hingga 13 September 2025, lebih daripada 50 reraui mempamerkan peluang kerjaya, latihan industri, dan pembangunan diri yang sesuai untuk graduan baharu dan pencari kerja aktif.

Pameran Kerjaya UBD 2025 bertemakan 'Bridging Your Future' berkenaan juga merangkumi sesi taklimat mengenai peluang kerjaya dan pembangunan diri oleh organisasi tempatan dan antarabangsa yang diadakan di Bilik Senat dan aras bawah Dewan Canselor.

Antara penceramah termasuk wakil dari The World Bank Group, United Nations Development Programme (UNDP), Leadership Morph, Brunei Darussalam Capital Market Association (BCMA), Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA), dan Progresif Sdn. Bhd.

Acara berkenaan turut menampilkan sesi ceramah yang dianjurkan oleh Pejabat Alumni Universiti, iaitu 'Fireside Chats' yang mengetengahkan alumni UBD yang memberi inspirasi, termasuk usahawan Awang Haji Ahmad Huzaimi Johari dari 'The Boy Who Bakes'; dan Dr. Nazurah Salleh dari 'Chef Create'; jurulatih kerjaya, Dayang Nurmalina Abang Haji Kifrawi dan Dayang Hidayatul Atiqah binti Haji Mohd. Jeff Fariz; aktivis

belia, Yura Qaisarah; pemimpin belia, Malai Didi Malai Haji Abdullah dari SMARTER Brunei; dan Firzanah Zaman; serta pengarah filem berjaya, Awang Haziq Sahminan dari 'Film Cartel' dan Syafi Halim dari 'New Wave Films'.

Pameran Kerjaya UBD 2025 dibuka setiap hari dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang, kecuali Jumaat ditutup dari jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

Jadual dan maklumat lanjut mengenai semua sesi yang berlangsung boleh didapati di Instagram @ubd.ieed dan @ubdbuzz.

Sebelum majlis perasmian, beberapa sesi ceramah dan bengkel pra-acara telah diadakan dari 2 hingga 4 September 2025 di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD.

Para peserta mempelajari cara untuk memperkemas Curriculum Vitae (CV), mengoptimumkan imej profesional, serta memahami perkembangan kerjaya dan kesiapsiagaan menghadapi dunia pekerjaan.

Pameran Kerjaya UBD 2025 merupakan platform terbaik untuk berhubung dengan syarikat-syarikat terkemuka dan meneroka peluang dalam pelbagai industri.

Selain itu, ia adalah peluang keemasan bagi individu berbakat untuk meneroka, berhubung dan mengambil langkah seterusnya dalam membentuk masa depan mereka.

TUNGKU LINK, Khamis, 11 September. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) sekali lagi menganjurkan Pameran Kerjaya UBD 2025 yang menghimpunkan majikan terkemuka dan para profesional industri di bawah satu bumbung serta menyediakan platform untuk para pengunjung meneroka laluan kerjaya yang menjanjikan masa depan yang berjaya.

Pameran Kerjaya yang diadakan selama tiga hari bertempat di Dewan Canselor, UBD berkenaan dirasmikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad yang juga Ahli Majlis UBD.

Turut hadir semasa majlis perasmian berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri) Kementerian

Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle serta pegawai-pegawai utama dari UBD dan Kementerian Pendidikan.

Pada majlis berkenaan, Dr. Haji Azman juga melancarkan laman web baharu Industry Engagement and Enterprise Development (IEED) di www.ieed.edu.bn, yang mempamerkan usaha universiti dalam bidang inovasi, keusahawanan dan kerjasama dengan industri.

Mini Karnival Perpustakaan tutup tirai



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 September. - Mini Karnival Perpustakaan : Simposium Perpustakaan dan Pameran anjuran Pusat Sejarah Brunei (PSB) yang berlangsung selama tiga hari bermula Selasa, 9 September 2025 hingga Khamis, 11 September 2025 menutup

tirainya pagi tadi dengan Majlis Penutup dan Penghargaan yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, PSB.

Bacaan resolusi hasil himpunan pembentangan kertas kerja Mini Karnival Perpustakaan : Simposium Perpustakaan dan Pameran disampaikan oleh

Pegawai Sejarah Kanan, Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Mini Karnival Perpustakaan 2025.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, yang turut

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut (atas dan kiri).

menyempurnakan penyerahan resolusi, penyampaian sijil dan cenderamata kepada para pembentang simposium, pempamer dan vendor Mini Karnival Perpustakaan.

Dalam majlis berkenaan juga, Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal bin

Haji Mat Salleh, selaku Pengerusi Jawatankuasa Mini Karnival Perpustakaan 2025 menyempurnakan penyampaian cenderamata kepada tetamu khas majlis.

Turut hadir, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

JADIKAN AJARAN, NILAI RASULULLAH SEBAGAI TELADAN DALAM KEHIDUPAN

**Siaran Akhbar dan Foto :
Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 September. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB), Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) dan TAIB Filling Station Sendirian Berhad telah mengadakan Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Dewan Dubai, Airport Mall, Berakas.

Majlis berkenaan diadakan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh pembangunan kerohanian dan mengeratkan ukhuwah antara pegawai serta kakitangan seluruh organisasi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Urusan IITHSB, Dayang Zamzaipa binti Haji Ismail; Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed;

serta pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya.

Majlis diserikan lagi dengan ceramah bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama dari Pusat Da'wah Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Ceramah berkenaan mengingatkan kembali tentang ajaran dan nilai-nilai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai teladan dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat.

Sambutan berkenaan mencerminkan komitmen Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya dalam menyemai budaya berteraskan keimanan dan perpaduan dalam kalangan warga kerja, seiring dengan peranannya sebagai institusi kewangan Islam yang menekankan kecemerlangan profesional serta pembangunan rohani.



PENGARAH Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Dewan Dubai, Airport Mall, Berakas.

Aktiviti keagamaan memakmurkan masjid

KAMPUNG SUNGAI BESAR, Jumaat, 12 September. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) dan Muslimah Masjid Kampung Sungai Besar merebut mendapatkan ibadah membaca Surah Al-Kahfi beramai-ramai selepas menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di masjid berkenaan, pagi tadi.

Hadir bagi sama-sama menyertai bacaan Surah Al-Kahfi ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram dan Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit yang juga selaku Penasihat I, AJKT Masjid Kampung Sungai Besar.

Turut hadir, Penasihat II, AJKT Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohidin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan jemaah masjid.

Menurut Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini, penyertaan jemaah begitu menggalakkan untuk merebut ganjaran pahala membaca Surah Al-Kahfi. Selain itu, aktiviti ini merupakan salah satu inisiatif AJKT untuk



SEKITAR majlis berkenaan yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Besar (atas dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid
Kampung Sungai Besar**

memakmurkan masjid.

Beliau yakin AJKT akan terus mengambil inisiatif dan merancang dalam mempelbagaikan ibadah yang menjurus untuk menarik lebih ramai jemaah hadir ke masjid.

Bacaan Surah Al-Kahfi telah

dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Pengiran Hassan Basri bin Pengiran Haji Ismail dan seterusnya membacakan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.



Kumpulan As-Sakinah johan Peraduan Rawi



PERADUAN berkenaan menggalakkan penglibatan aktif golongan wanita dalam aktiviti keagamaan dan sebagai platform memperingati sirah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui puji-pujian dan selawat.

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin**

PENANJONG, Jumaat, 12 September. - Maulidur Rasul merupakan detik penting dalam takwim Islam bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Justeru, bersempena dengan sambutan tersebut, satu Peraduan Rawi bagi Muslimah Masjid Kampung Penanjong telah diadakan di masjid berkenaan bagi menggalakkan penglibatan aktif golongan wanita dalam aktiviti keagamaan dan sebagai platform memperingati sirah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui puji-pujian dan selawat.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pegawai Pendidikan Ugama / Guru Besar Sekolah Ugama Penanjong, Dayang Hajai Rusni binti Haji Ahmad.

Kumpulan As-Sakinah dinobatkan sebagai johan peraduan, sementara naib johan disandang oleh Kumpulan Shakirra dan Kumpulan Al-Muqaffa tempat ketiga.

Sebanyak lima buah kumpulan menyertai peraduan yang diadakan sempena Maulidur Rasul 1447 Hijrah / 2025 Masihi. Terdahulu, persembahan Selawat Badariyah dipersembahkan oleh Muslimah masjid tersebut.

Antara lain tujuan diadakan peraduan ini adalah bagi meningkatkan rasa cinta terhadap Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping mendedahkan generasi Muslimah kepada budaya berqasidah dan berselawat.

Menggalakkan penghayatan, pengamalan Surah Al-Fatihah dalam kehidupan seharian

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 September. - Sebagai usaha berterusan memperkasa kefahaman dan penghayatan Surah Al-Fatihah dalam kalangan masyarakat khususnya para



SEBAHAGIAN pelajar yang menyertai Program Tadabbur Surah Al-Fatihah (atas). Sementara gambar bawah kanan, sekitar program tersebut.

Program Tadabbur Surah Al-Fatihah bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah 'A' menjadi lokasi tumpuan bagi program kali ini yang dimudah cara oleh Ketua Bahagian Imarah, JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Fansuri Sharimi@Mansur bin Mohamad Ali.

Program yang sama turut diadakan di beberapa buah masjid lain antaranya Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan bersama Pentadabbur, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Mohammad Nasyith bin Superi; dan di Masjid Kampung Batu Marang bersama Pentadabbur, Pegawai Hal Ehwal Masjid, JHEM, Awang Muhd. Zharfan bin Haji Awang Ahmad.

Bagi Daerah Belait, program berkenaan berlangsung di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait dengan Pentadabbur, Imam

Tingkat III, Masjid Kampung Sungai Liang, Awang Mohd. Zulhilmi bin Mohd. Jefri.

Sementara itu di Daerah Tutong, program dilaksanakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai dengan menampilkan Pentadabbur, Imam Tingkat I, Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin; dan di Masjid Kampung Telisai bersama Pentadabbur, Imam Tingkat III, Masjid Kampung Danau, Awang Abdul Hadi bin Abd. Rahman.

Manakala di Daerah Temburong pula, program dikendalikan di Masjid Kampung Selangan bersama Pentadabbur, Imam Tingkat I, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Awang Mahdini bin Haji Kamis.

Program berkenaan bertujuan menambah pengetahuan mengenai kepentingan Surah Al-Fatihah dan terjemahannya, di samping menggalakkan penghayatan serta pengamalan isi kandungannya dalam kehidupan seharian.



PROGRAM dimudah cara oleh Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Fansuri Sharimi@Mansur bin Mohamad Ali.

Di samping itu, program berkenaan dihasratkan dapat mendidik para peserta agar sentiasa mengamalkan bacaan Surah Al-Fatihah setiap kali memulakan sesuatu majlis, selain berperanan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan kanak-kanak Kelas Al-Quran dan Muqaddam serta mengimarahkan masjid-masjid terpilih di seluruh negara.

جانبك كاي چولجا بروني دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn



MALAM KEMUNCAK THE ONLY ONE MEMPERKUKUH UKHUWAH ISLAMIAH



CERAMAH disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

BERAKAS, Khamis, 11 September. - Umat Islam sentiasa digalakkan mengucapkan selawat ke atas Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam setiap masa kerana hal sedemikian itu menandakan kecintaan dan kasih sayang kita kepada Baginda.

Sehubungan itu, Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (Brunei Young Leaders Convention-BYLC) petang ini mengadakan Majlis Malam Kemuncak The Only One bertempat di Dewan Cesar Grand Hall, Mulia Hotel Brunei, Kampung Anggerek Desa.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, diteruskan dengan persembahan rohani berbentuk Mawlid dan Qasidah.

Majlis berkenaan diserikan lagi dengan ceramah yang

disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz serta cabutan bertuah yang menambahkan lagi keceriaan para hadirin.

Majlis Malam Kemuncak The Only One berkenaan diharap dapat memperkukuh ukhuwah Islamiah, menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta menyemarakkan semangat cinta kepada Baginda dalam kalangan masyarakat.

SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Malam Kemuncak The Only One.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said





JAUHKAN DIRI DARI BERBURUK SANGKA



KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 19 RABIULAWAL 1447H / 12 SEPTEMBER 2025M

KETAHUILAH BAHAWA HATI YANG DIKUASAI OLEH PENYAKIT BURUK SANGKA DAPAT DIKENALI MELALUI TIGA TANDA YANG JELAS, IAITU:

1

**MUDAH MEMBUAT
ANDAIAN NEGATIF
TANPA BUKTI**

Selalu melihat kelemahan
dan kekurangan orang lain
daripada kebaikan mereka

2

**MENOLAK KEBAIKAN
SAUDARANYA,
MENGANGGAP NIAT
BAIK SEBAGAI
KEBURUKAN**

**HATI DIPENUHI
RASA CURIGA**

Sehingga menimbulkan
permusuhan dan fitnah
dalam masyarakat

3



Sesungguhnya sifat **berburuk sangka** merupakan racun yang **merosakkan hati**, **meruntuhkan persaudaraan** serta **menghancurkan keharmonian** dalam kehidupan bermasyarakat

ANTARA LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGHINDARI DIRI DARIPADA BERPRASANGKA BURUK IALAH:

1



**DIDIK HATI
DENGAN
BERZIKIR
DAN
MEMBACA
AL-QURAN**

2

**SELALU BERSANGKA
BAIK TERHADAP
ORANG LAIN**

**SIBUKKAN
DIRI
DENGAN
MEMPERBAIKI
DIRI SENDIRI**



4

**BERDOA AGAR HATI KITA DIJAGA
OLEH ALLAH S.W.T, AGAR TIDAK
MUDAH TERPENGARUH DENGAN
BISIKAN SYAITAN**

5

**HINDARI MEDIA SOSIAL YANG PENUH
DENGAN SANGKAAN, KHABAR ANGIN
DAN TUDUHAN PALSU. SEBALIKNYA,
SEMAK DAN SELIDIKI SETIAP BERITA
SEBELUM MENYEBARKANNYA**



Marilah kita sama-sama berusaha **membersihkan hati** dari sifat **buruk sangka**, **mendidik jiwa** dengan sikap **berbaik sangka** serta **membina kerjasama** berasaskan kasih sayang dan persaudaraan



Jauhkan diri daripada berburuk sangka

orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu berasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih".

Buruk sangka bukan sahaja merosakkan hubungan sesama manusia, malah turut menjadi jalan bagi syaitan menimbulkan permusuhan, perpecahan dan kebencian dalam masyarakat. Ia adalah permulaan kepada kehancuran ukhawah dan hilangnya keberkatan dalam hidup bermasyarakat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Jauhilah oleh kamu prasangka kerana prasangka itu adalah sebohong-bohong perkataan".

Jelaslah bahawa buruk sangka adalah dilarang keras di dalam Islam kerana ia mudah membawa kepada dusta, pembohongan, fitnah dan permusuhan. Kita selaku Muslim wajib melatih hati dengan bersangka baik (*husnuzon*) serta memastikan setiap maklumat yang diterima ditapis melalui *tabayun* sebelum diterima atau disebarkan.

Ketahuilah bahawa hati yang dikuasai oleh penyakit buruk sangka dapat dikenali melalui tiga tanda yang jelas iaitu :

Pertama : Dia mudah membuat andaian negatif tanpa bukti, selalu melihat kelemahan dan kekurangan orang lain daripada kebaikan mereka.

Kedua : Dia menolak kebaikan saudaranya, menganggap niat baik sebaik keburukan. Lalu terpedaya dengan bisikan syaitan dan kata-kata yang menyesatkan.

Ketiga : Hati dipenuhi rasa curiga, sehingga menimbulkan permusuhan dan mencetuskan fitnah dalam masyarakat.

Sifat berburuk sangka ini bukan sahaja memecahbelahkan persaudaraan bahkan meruntuhkan kepercayaan dan ikatan silaturahim dengan kebencian. Maka ubatilah hati dengan zikrullah, amal kebajikan dan doa yang ikhlas nescaya hati kita akan kembali tenang dan dipenuhi kasih sayang.

Adakalanya sikap, percakapan atau

tingkah laku kita walaupun tidak disengajakan boleh menimbulkan sangkaan buruk daripada orang lain. Perkara ini boleh berlaku di mana-mana sama ada di tempat kerja, dalam kehidupan berjiran bahkan dalam kalangan ahli keluarga sendiri.

Oleh itu, sebagai umat Islam, kita perlu bersikap bijak dalam menghadapi situasi ini dan mengambil langkah yang penuh berhikmah. Antara cara yang boleh diamalkan untuk dihayati ialah :

Pertama : Menjaga sikap dan percakapan. Salah satu amanah seorang Mukmin itu adalah menjaga sikap dan percakapan. Islam sangat menitikberatkan perkara yang berkaitan dengan adab dan akhlak termasuk percakapan, perbuatan yang dizahirkan dan tutur kata yang dilafazkan adalah cerminan akhlak keperibadian seorang Mukmin.

Kedua : Tidak mudah menuduh atau bersangka buruk terhadap orang lain. Dalam konteks ini Islam telah memberi panduan untuk tontonan kita iaitu bersikap dengan penuh tumpuan dan fahami fakta sebelum menilai seseorang.

Ketiga : Berbincang secara hikmah dan terbuka, iaitu berbincang dengan mereka yang berprasangka buruk terhadap kita memerlukan hikmah, kesabaran dan pendekatan terbuka agar pertemuan itu lebih produktif dan tidak menimbulkan konflik lebih lanjut.

Keempat : Banyakkan doa dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam menghadapi salah sangka atau prasangka orang, kita hendaklah serahkan segala urusan kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui doa dan tawakal. Sudah setentunya, doa yang kita harapkan agar hati dijernihkan, prasangka terhapus dan urusan dipermudahkan.

Islam mengajar kita supaya sentiasa bersangka baik. Ini kerana bersangka baik melahirkan kedamaian, memupuk kasih sayang dan memperkukuh ukhawah Islamiah sesama kita. Antara langkah untuk menghindari diri daripada berprasangka buruk ialah :

Pertama : Didik hati dengan berzikir dan membaca Al-Quran, hati yang sentiasa mengingat Allah Subhanahu Wata'ala akan dijauhkan daripada niat buruk terhadap sesama manusia.

Kedua : Selalu bersangka baik terhadap

orang lain.

Ketiga : Sibukkan diri dengan memperbaiki diri sendiri.

Keempat : Berdoa agar hati kita dijaga oleh Allah Subhanahu Wata'ala, agar tidak mudah terpengaruh dengan bisikan syaitan.

Kelima : Hindari media sosial yang penuh dengan sangkaan, khabar angin dan tuduhan palsu. Sebaliknya, semak dan selidiki setiap berita sebelum menyebarkannya.

Sesungguhnya sifat berburuk sangka merupakan racun yang merosakkan hati, meruntuhkan persaudaraan serta menghancurkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Orang yang hidup dengan perasaan benci akan sentiasa diselubungi keresahan dan kegelisahan. Hatinya tidak tenang, fikirannya tidak damai dan hidupnya jauh daripada rahmat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala. Akibatnya, kasih sayang akan terputus, perpaduan tergugat, permusuhan tercetus dan suasana kehidupan menjadi penuh sengketa.

Sebaliknya, orang yang menjaga hati dengan baik sangka, bermaafan, berlapang dada dan berkasih sayang akan hidup dengan tenang dan aman. Keharmonian hidup tetap terpelihara, hubungan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala, kasih sayang sesama insan bertambah dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpah ke atasnya. Oleh itu, marilah kita sama-sama berusaha membersihkan hati daripada sifat buruk sangka, mendidik jiwa dengan sikap baik sangka serta membina kerjasama berasaskan kasih sayang dan persaudaraan. Kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala membersihkan hati kita daripada prasangka buruk, menanamkan sifat *husnuzon* dan menyelamatkan kita daripada fitnah dunia yang merosakkan. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat". (Surah Al-Hujurat, ayat 10)

Kursus Asas Haji, Umrah bermula 14 September

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 September. - Bagi menyebarkan lagi ilmu Manasik haji dan umrah di samping mempersiapkan bakal jemaah haji dari segi fizikal, mental dan spiritual, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji akan menganjurkan Kursus Asas Haji dan Umrah Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi.

Kursus berkenaan akan merangkumi enam sesi yang diadakan pada setiap Ahad bermula pada 21 Rabiulawal 1447H bersamaan 14 September 2025M dan berakhir pada 27 Rabiulakhir 1447H bersamaan 19 Oktober 2025M.

Setiap sesi akan berjalan selama dua jam, bermula dari jam 8.00 hingga 10.00 pagi dan dikendalikan secara serentak di

tujuh buah masjid terpilih seluruh negara.

Tarikh-tarikh bagi Kursus Asas Haji dan Umrah berkenaan adalah seperti berikut, iaitu pada 21 Rabiulawal 1447H bersamaan 14 September 2025M, 28 Rabiulawal 1447H bersamaan 21 September 2025M, 6 Rabiulakhir 1447H bersamaan 28 September 2025M, 13 Rabiulakhir 1447H bersamaan 5 Oktober 2025M, 20 Rabiulakhir 1447H bersamaan 12 Oktober 2025M dan 27 Rabiulakhir 1447H bersamaan 19 Oktober 2025M.

Tempat-tempat kursus ialah bagi Daerah Brunei dan Muara di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Masjid Hassanah Bolkiah, Kampung Mentiri; dan Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha,

Kampung Rimba.

Manakala di Daerah Belait ialah di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait sementara bagi Daerah Tutong di Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong, manakala di Daerah Temburong bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Sehubungan itu, bakal-bakal jemaah haji yang akan menunaikan fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1447H bersamaan 2026M, dan bakal-bakal jemaah haji yang berada dalam senarai menunggu untuk menunaikan fardu haji, serta orang ramai yang berminat untuk mendalami ilmu asas ibadat haji dan umrah, dan yang berhasrat untuk mengerjakan umrah adalah dijemput untuk menghadiri Kursus Asas Haji dan Umrah Tahun 1447H/2025M pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.

JAGA KESIHATAN DENGAN MENGAMALKAN CARA HIDUP YANG SIHAT:

Bersenam sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari.

Mengamalkan minum air putih sekurang-kurangnya 8 gelas setiap hari.

Mengamalkan permakanan yang sihat.

Pengambilan makanan secara sederhana iaitu makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang.

Tidur yang cukup.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَاَخْفَاهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kamil! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يثغ ممباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

RUANG SENSORI SRDM DIRASMIKAN



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Khas, Dr. Dayang Mustazah binti Awang Maidin hadir selaku tetamu kehormat pada perasmian ruang sensori atau sebuah bilik darjah yang baru dinaik taraf di Sekolah Rendah Dato Marsal (atas dan kanan).

LAMBAK KANAN, Rabu, 10 September. - Perasmian ruang sensori atau sebuah bilik darjah yang baru dinaik taraf di Sekolah Rendah Dato Marsal (SRDM) menandakan satu peristiwa penting dalam usaha mempertingkatkan inklusif persekitaran pembelajaran untuk kanak-kanak autisme di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada Projek #SPACEforAutism, usaha jangkaan komuniti diketuai oleh Kohort Ke-36 Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kohort Ke-36.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan ruang sensori tersebut

ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Khas, Dr. Dayang Mustazah binti Awang Maidin.

Projek ini bertujuan untuk mewujudkan ketenangan, inklusif dan ruang mesra sensori (*sensory-friendly*) di sekolah kerajaan terpilih sambil mempromosikan kesedaran awam tentang autisme dan keperluan deria.

Guru Besar SRDM, Dayangku Suzanawaty binti Pengiran Osman dalam ucapannya, menyatakan rasa syukur kerana SRDM telah dipilih untuk projek ini.

Menurutnya lagi, bilik darjah yang dinaik taraf bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar berkeperluan pendidikan khas tetapi juga meningkatkan motivasi Guru-guru Pendidikan Khas

(Special Education Needs - SEN), yang kini lebih baik dilengkapi dengan pelbagai jenis item deria dan alat bantu mengajar.

Penambahbaikan ini telah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif, menjadikannya lebih mudah bagi kedua-dua guru dan pelajar untuk melibatkan diri secara berkesan.

"Bagi kanak-kanak autisme, bilik darjah yang biasa kadangkala amat menggembirakan. Mereka mungkin mengalami beban deria yang berlebihan, yang menjejaskan keupayaan mereka untuk belajar dan berinteraksi.

"Bilik deria ini penting untuk membantu mereka mengawal emosi mereka, kekal tenang dan melibatkan semula deria mereka dalam persekitaran yang selamat dan tersusun," jelas Pegawai Pendidikan dan Ketua Guru SEN SRDM, Dr. Dayang Nurafizzah.

Sepanjang dua bulan yang lalu, Pasukan SPACEmakers telah menjalankan beberapa siri aktiviti kesedaran dan pengumpulan dana, termasuk penyertaan mereka dalam Karnival Pendidikan Khas dan Perarakan #BLUESQUAD semasa Acara The Run for Inclusion yang diadakan di Jerudong Park baru-baru ini, di mana menyaksikan sokongan lebih 70 orang peserta.

Melalui kutipan derma dan penglibatan komuniti, SPACEmakers telah berjaya mengumpulkan dana untuk menaik taraf bilik darjah melalui barangan tajaan, sumbangan tunai dan sumbangan orang ramai.

Terutamanya, lebih 400 edisi baju terhad #SPACEforAutism telah terjual dalam masa kurang



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

sebulan mempamerkan bukti sokongan orang ramai yang amat menggalakkan.

Selain itu, lebih daripada 250 item deria telah diedarkan kepada empat sekolah rendah, secara langsung memberi manfaat kepada pelajar berkeperluan pendidikan khas dan meluaskan capaian inisiatif ini di luar bilik darjah yang dinaik taraf.

Pasukan juga mengumumkan bahawa McDonald's Brunei telah menyatakan minat dan komitmen yang tinggi untuk menyokong pembangunan bilik darjah deria khusus di sekolah kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun 2026, sebagai sebahagian daripada strategi Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), di bawah platform Masyarakat Ceria Selalu

Bersama (MCSB). Ini menandakan peristiwa penting untuk projek tersebut dan dijangka untuk memberi inspirasi kepada sokongan dan penglibatan selanjutnya daripada sektor swasta.

Majlis yang diadakan hari ini itu turut dihadiri oleh pegawai dan wakil daripada Kementerian Pendidikan, penaja korporat dan media tempatan, semuanya telah memainkan peranan yang bermakna dalam menyumbang kepada kejayaan inisiatif ini.

Sementara itu, sumbangan barangan dan wang tunai masih dibuka sehingga 27 September 2025. Sebarang maklumat lanjut untuk menyokong inisiatif tersebut, bolehlah melayari laman Instagram @spaceforautism dan @jpikas_moe.bn.

Memperkasa penggunaan bahasa Melayu



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu khas pada Tamu Bahasa bersempena Bulan Bahasa (atas), sementara gambar kanan, pembentangan disampaikan oleh Pensyarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Pengiran Haji Ashrol Rahimy bin Pengiran Damit.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 10 September. - Seramai 77 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai jabatan kerajaan, para mahasiswa, belia, para pencinta bahasa dan sastera, serta para penulis menghadiri Tamu Bahasa bersempena Bulan Bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan, yang berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis

ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Acara dipengerusikan oleh Pegawai Bahasa, DBP, Dayang Ruhana binti Radin.

Pembentangan disampaikan oleh Pensyarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Pengiran Haji Ashrol Rahimy bin Pengiran Damit sebagai pembicara eksekutif, dengan tajuk 'Pemeriksaan Bahasa Melayu dan Bahasa Minoriti di Negara Brunei



Darussalam: Langkah Pelestarian Kepelbagaian Bahasa'.

Sebagai kesimpulan, antara inti pati yang dibincangkan oleh pemakalah merupakan penyusutan domain penggunaan bahasa Melayu, dialek-dialek tempatan, dan bahasa minoriti.

Saranan empat teras strategi pemerikasaan bahasa melalui pendidikan dan pembudayaan, media dan teknologi, komuniti dan keluarga, serta dasar dan sokongan kerajaan.

Saranan tersebut meliputi pengukuhan kurikulum bahasa, pembangunan bahan ilmiah dan digital berkualiti yang mesra

generasi baharu, penglibatan aktif masyarakat dalam aktiviti kebahasaan dan pelaksanaan kempen kesedaran secara berterusan.

Strategi tersebut merupakan antara upaya dalam mewujudkan ekosistem bahasa yang mapan serta memelihara kepelbagaian bahasa untuk generasi akan datang, dan sekali gus mengukuhkan identiti kebruneian.

Tamu Bahasa antara lain bertujuan untuk mendapatkan sokongan dan penglibatan pelbagai pihak untuk menyebarkan pengetahuan dan memantapkan bahasa Melayu

sebagai bahasa rasmi negara; selain membincangkan isu-isu semasa berkaitan bahasa Melayu untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu, istilah-istilah baharu dan tulisan Jawi yang menjadi ciri identiti bahasa Melayu.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman semua lapisan masyarakat bahawa bahasa Melayu sebagai identiti bangsa Melayu.

Acara turut diadakan secara langsung melalui penstriman di laman Facebook rasmi, *Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei*.

KOMITED MENGEMBANGMAJUKAN PRODUK INOVATIF LEBIH MELUAS

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 September. - Memenangi Anugerah ICT Brunei (BICTA) bukan saja memberikan satu inspirasi bagi penghasilan produk yang inovatif dan kreatif malah ia dapat mengembangkan lagi produk ke peringkat dan pasaran yang lebih meluas.

Dayang Siti Nur Aazzah binti Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Abdul Aziz dari SPI BN Sdn. Bhd. yang memenangi dalam Kategori Perindustrian menerusi produknya Ground Sensor Terminal for Satellite IoT Connectivity semasa ditemui Pelita Brunei mengongsikan bahawa berdasarkan pengalamannya sejak lebih 15 tahun dalam bidang komunikasi satelit dan melihat kepada kecepatan perkembangan teknologi yang pantas antara yang mendorongnya untuk mencipta produk tersebut.

"Alhamdulillah dengan rendah hati kami berasa teruja atas pengiktirafan yang diterima pada hari ini dan dengan adanya wang kemenangan ini, kami juga dapat menggunakannya untuk memperbaiki dan mengembangkan lagi projek kami.

"Pengiktirafan dari Brunei ini merupakan satu yang sangat besar bagi kami dan seterusnya peluang untuk dapat bersaing di peringkat serantau seterusnya iaitu APICTA yang dijadualkan mengambil tempat pada hujung tahun ini juga merupakan satu kesempatan yang sungguh bermakna bagi kami yang membolehkan kami untuk memberikan perkhidmatan kami dengan lebih meluas, bukan saja di

Brunei Darussalam tetapi ke luar negara," jelas Dayang Siti Nur Aazzah lanjut.

Ketersambungan untuk peranti IoT di kawasan terpencil masih menjadi cabaran utama disebabkan oleh infrastruktur yang terhad dan kos penghantaran data yang tinggi. Industri seperti pertanian, perhutanan, minyak dan gas, dan pemantauan alam sekitar sering bergelut untuk mengakses maklumat yang diperlukan bagi mendapatkan operasi yang cekap.

Oleh itu, dengan adanya projek ini, ia akan dapat menangani cabaran ini melalui pembangunan Terminal Sensor Ground yang inovatif, menawarkan penyelesaian yang kos efektif, cekap tenaga dan boleh dipercayai untuk sambungan IoT jauh melalui rangkaian satelit.

Sementara itu, Wilson Siow daripada WilKGames yang memenangi dalam Kategori Perkhidmatan Pengguna dan Perniagaan menerusi produknya 'Tikus Tales' semasa ditemui berkesempatan mengulas mengenai produk ciptaannya.

'Tikus Tales' merupakan permainan platform 3D yang menyeronokkan dengan tumpuan berat pada pertempuran, dibintangi oleh dua tikus yang berani, Suki dan Tuki. Merentasi dunia yang berwarna-warni, melompat, melontar dan bertarung melalui persekitaran yang pelbagai merupakan antara pengisian permainan ciptaan Wilson Siow tersebut.

"Apa yang menarik terhadap permainan baharu yang dicipta ini adalah ia turut mengandungi ciri



kebudayaan tempatan seperti peta Brunei, tempat-tempat yang ada di negara ini dan bunga simpur," tambahnya lagi ketika mengongsikan keistimewaan yang

terkandung dalam permainan ciptaannya.

Wilson Siow juga tidak menyangka kerana berjaya memenangi anugerah pada kali ini



DAYANG Siti Nur Aazzah binti Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Abdul Aziz bersama rakan-rakan beliau (atas).

WILSON Siow daripada WilKGames yang memenangi dalam Kategori Perkhidmatan Pengguna dan Perniagaan menerusi produknya 'Tikus Tales'.

dan berharap agar ia dapat dikomersialkan dalam masa yang terdekat ini memandangkan ia telah diuji cuba sejak beberapa bulan lalu.

Pada masa yang sama beliau turut menzahirkan harapannya dengan kemenangan yang diperolehnya pada hari ini agar dapat menyuntik semangat dan seterusnya mengembangkan lagi industri permainan di negara ini.

Manakala pemenang dalam Kategori Sekolah Menengah pula berjaya disandang oleh pelajar Tahun 9 dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan menerusi produk mereka EduMat.

Kesemua ahli pasukan pelajar Tahun 9 tersebut terdiri daripada Dayang Syazana Nadhirah binti Mohd. Bahrin, Dayang Zara Tan binti Muhammad Johnny Aqil, dan Dayangku Nuwairah binti Pengiran Daimenul Shah mengambil masa tiga bulan untuk menyelesaikan projek berkenaan.

Salah seorang ahli pasukan pelajar berkenaan, Dayang Syazana Nadhirah binti Mohd. Bahrin ketika ditemui Pelita Brunei mengongsikan bahawa produk mereka hasilkan merupakan penyelesaian pendidikan inklusif yang membantu pelajar yang memerlukan Pendidikan Khas bagi membina kemahiran akademik dan kehidupan dengan cara yang menarik dan menyeronokkan di samping menggalakkan pergerakan fizikal.

Produk berkenaan juga boleh diakses dan digunakan dengan mudah serta direka bentuk khusus untuk menampung keperluan pendidikan pelajar dalam bilik darjah yang inklusif.



PARA pelajar Tahun 9 dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan menerusi produk mereka EduMat yang berjaya memenangi Kategori Sekolah Menengah.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Menjadi Pemimpin Muda : Cabaran dan Peluang'. Tarikh Tutup : 17 September 2025
- 2.'Akhlak Rasulullah : Cermin Diri Seorang Mukmin'. Tarikh Tutup : 24 September 2025
- 3.'Menjaga hutan, menyelamatkan masa depan'. Tarikh Tutup : 1 Oktober 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

ISTIQAMAH KUNCI KEJAYAAN GRADUAN ITQSHHB MEMARTABATKAN AL-QURAN

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

BERAKAS, Rabu, 10 September. - Menjadi seorang hafiz atau hafizah merupakan anugerah istimewa daripada Allah Subhanahu Wata'ala, namun ia juga adalah amanah besar yang perlu dijaga dan dimartabatkan.

Para graduan dan juga mahasiswa dan mahasiswi Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) adalah anak-anak terpilih untuk memikul, menjaga dan memartabatkan Al-Quran. Oleh itu, istiqamah dan rajin adalah kunci segala kejayaan.

Perkara berkenaan antara yang diungkapkan oleh Penolong Pensyarah, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at ITQSHHB, Pengiran Siti Nor Hamidah binti Pengiran Matassan ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei pada Majlis Hafut Takharuj ITQSHHB Ke-13 Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi di Dewan Persidangan Utama, Berakas, di sini.

"Sebagai seorang pendidik, saya mempercayai bahawa setiap

individu itu dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan potensi dan kelebihan masing-masing. Begitu juga setiap mahasiswa dan mahasiswi ITQSHHB pasti mempunyai potensi untuk cemerlang dalam hafazan Al-Quran dan ilmu Qira'at yang mana sudah menjadi amanah besar kami untuk mendidik, membimbing dan memberi sokongan dan dorongan kepada mereka secara berterusan sehingga menggenggam syahadah (sijil) diploma mereka masing-masing."

tambah beliau yang menamai amanah sebagai tenaga pengajar bagi kursus Hafazan 30 juz Al-Quran dan memberi kuliah bagi modul ilmu Qira'at.

Menyentuh mengenai kemanisan dalam menghafaz Al-Quran, Pengiran Siti Nor Hamidah



berkata, dengan amalan menghafal dan menjaga hafazan Al-Quran itu sememangnya ia menjadi ilustrasi sebuah kecintaan yang menambah keberkatan dalam kehidupan seseorang.

"Ini kerana Al-Quran itu cahaya, cahaya yang tidak akan mungkin malap malah sentiasa menyuluh ke mana pun takdir perjalanan kehidupan kita," ujar beliau.

Pengiran Siti Nor Hamidah seterusnya menekankan pastinya untuk menjadi para huffaz yang cemerlang dan gemilang itu memerlukan pengorbanan jiwa raga yang sentiasa menyakini bahawa Allah Subhanahu Wata'ala pasti memberi kemudahan di setiap kesulitan yang dihadapi.

"Apabila menghafal Al-Quran, kita mestilah sentiasa membersihkan niat kerana Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata, bukan untuk

meraih pujian atau kemasyhuran dunia. Ikhlas akan menjadikan hafazan kita berkualiti dan diberkati," tekan beliau.

Turut berkesempatan ditemu bual bagi mengongsikan pandangan sebagai seorang pendidik lebih-lebih sebagai usaha bersama untuk melahirkan anak-anak didik yang berjaya di dunia dan akhirat, Pegawai Pelajaran di ITQSHHB, Awang Muhammad Wa'ez bin Haji Ramlee, yang menyatakan antara prinsip yang perlu disemai dalam proses pengajaran dari hari ke hari ialah memiliki niat yang ikhlas dan tulus dalam menyampaikan ilmu, menerapkan nilai akhlak dalam mengajar, mempunyai sifat sabar dan tabah



PEGAWAI Pelajaran di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Muhammad Wa'ez bin Haji Ramlee dan Penolong Pensyarah, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at ITQSHHB, Pengiran Siti Nor Hamidah binti Pengiran Matassan (kiri dan kanan).

Menggenggam syahadah hafazan 30 juz bukti ketekunan, pengorbanan, doa

BERAKAS, Rabu, 10 September. - Mungkin kita pernah mendengar salah satu mutiara kata dari bahasa Arab, 'Man Jadda Wajada', yang memiliki maksud 'Barang siapa yang bersungguh-sungguh pasti akan berhasil'. Sungguh benar dan hebat ungkapan motivasi ini jika kita memahami sedalam-dalamnya.

Hakikatnya, untuk menggenggam syahadah (sijil) dalam bidang hafazan 30 Juz Al-Quran dan ilmu Qira'at bukanlah sesuatu yang mudah tanpa adanya ketekunan dan ketulusan yang sentiasa diterapkan dalam jiwa raga setiap graduan Diploma 'Aliyah Qira'at di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Begitu juga segala pengorbanan dan dorongan yang kuat serta doa yang tidak putus-putus daripada ibu bapa dan orang-orang terdekat ditambah dengan bimbingan tekad daripada para pensyarah dan guru-guru pastinya turut menjadi pencetus semangat juang dalam diri setiap graduan sepanjang meniti tempoh tiga tahun pengajian mereka di institut tersebut.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual

beberapa orang graduan semasa berlangsungnya Majlis Hafut Takharuj ITQSHHB Ke-13 Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, yang mana mereka mengungkapkan luahan penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana melimpahkan keizinan menggapai kejayaan yang sangat berharga khususnya dalam sama-sama mengangkat martabat ayat-ayat suci Al-Quran sekali gus demi mencapai kebaikan hidup dunia mahupun akhirat.

Oleh itu, menerusi kejayaan menamatkan pengajian dalam Diploma 'Aliyah Qira'at, Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh yang mendapat keputusan pangkat Mumtaz (Cemerlang) berkata pada dasarnya, semua ilmu itu mempunyai kepentingannya masing-masing yang berperanan bagi membantu agama, bangsa dan negara.

"Bagi ilmu Qira'at yang saya ceburi ini, ia bukan sahaja memberi manfaat kepada diri saya sendiri tetapi juga bagi masyarakat dan negara dengan cara memastikan bacaan dan pengajian Al-Quran di Brunei disampaikan dengan sanad yang sah. Selain

itu juga saya percaya ilmu ini dapat digunakan dalam melahirkan generasi yang berilmu dan celik Al-Quran yang menjadikan Al-Quran sebagai teras dan panduan hidup sehingga mampu menjadi benteng kepada negara daripada semua anasir-anasir negatif seperti gejala keruntuhan moral dan akhlak," jelasnya.

Di sebalik kejayaan yang diperolehi ini, kata Awang Muhammad Mughni, pastinya dalam menempuhi liku-liku perjalanan akademik ini tidak terpisah dengan pelbagai cabaran, namun dirinya menyakini betapa mustahaknya untuk sentiasa menjaga sembahyang fardu lima waktu dalam kehidupan sehari-hari kerana waktu-waktu solat itulah yang menjaga kita daripada lalai dan leka dengan tugas-tugas duniawi.

"Waktu solat bukan hanya sekadar waktu untuk mengerjakan solat secara fizikal tetapi ia merupakan terapi rohani untuk kita menyusun semula waktu dan jadual harian kita," ujarnya yang bakal meneruskan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Takhassus Al-Quran Wal Qiraat di Mahad Qiraat Shoubra, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir di bawah Penganugerahan Skim Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi Sesi Pengajian 2025 / 2026.

Seorang lagi graduan yang diraikan, Awang Ahmad Hamizan@Ahmad Aliridha bin Haji Laidin, antaranya mengungkapkan kejayaan yang dicapai itu tidak hanya diukur melalui keputusan peperiksaan atau sijil yang diperolehi setelah tamat pengajian, tetapi lebih kepada nilai, pengalaman, dan pengajaran yang diraih sepanjang tiga tahun pengajian tersebut. Ia membawa makna yang lebih mendalam kerana bukan sahaja menambah ilmu, bahkan mendidik jiwa serta membentuk peribadi.

"Melalui pengajian Diploma

'Aliyah Qira'at ini, saya belajar erti kehidupan, persahabatan, kesabaran, ketulusan niat, penyucian jiwa, dan sifat tidak mudah berputus asa.

"Pendekatan lahiriah dan rohaniah yang diamalkan sepanjang tempoh ini telah memberi kesan yang mendalam dalam diri saya, dan saya yakin ia akan terus menjadi bekal berharga yang memberi impak jangka panjang dalam kehidupan, sama ada sebagai seorang individu mahupun dalam menyumbang kepada masyarakat," jelasnya yang juga memperoleh pangkat Mumtaz (Cemerlang).

Dalam pada itu, Awang Ahmad Hamizan turut menegaskan sebagai seorang penghafaz Al-Quran memang tidak terlepas dengan cabaran-cabaran tertentu yang mana salah satu cabaran paling besar yang dihadapi ialah melawan sikap malas dan lalai.

"Secara peribadi, cabaran ini amat sukar untuk diatasi, namun saya belajar bahawa dengan kesungguhan, disiplin, serta doa yang berterusan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, segala urusan akan dipermudahkan. Pengalaman ini telah membentuk saya menjadi seorang yang lebih tabah, tidak mudah berputus asa, serta sentiasa berusaha memperbaiki diri agar istiqamah dalam menjaga Al-Quran," tambahnya yang juga bakal meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Takhassus Al-Quran Wal Qiraat di Mahad Qiraat Shoubra, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir di bawah Penganugerahan Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Sesi Pengajian 2025 / 2026.

Turut meluangkan masa sejenak untuk berkongsi luahan kesyukuran menerusi kejayaan menyamatkan pengajian dalam Diploma 'Aliyah Qira'at pada majlis

dalam mendidik serta sentiasa memohon petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala sebelum memulakan pengajaran di samping sentiasa mendoakan anak-anak didik agar dilapangkan hati mereka untuk menerima ilmu Al-Quran.

"Sebagai penuntut ilmu, khususnya di dalam bidang hafazan Al-Quran, pertama sekali hendaklah membetulkan niat semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Di samping itu, mereka hendaklah menanamkan sifat sabar di dalam jiwa kerana perjalanan dalam mendalami ilmu Al-Quran ini amatlah mencabar.

"Selain itu, nilai Al-Quran mestilah juga diterapkan di dalam gaya hidup seharian, bukan sahaja sekadar di dalam bilik darjah mahupun dihafal begitu sahaja. Akhirnya, para penuntut mestilah sentiasa istiqamah dalam mempelajari ilmu Al-Quran, kerana ia umpama lautan yang tidak pandai habis untuk dikaji dan diteliti," nasihat beliau yang mengajar Bahasa Arab di peringkat menengah dan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at di ITQSHHB kepada anak-anak didik.



AWANG Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh, Awang Ahmad Hamizan@Ahmad Aliridha bin Haji Laidin dan Dayangku Maisarah binti Pengiran Kamarulzaman (kiri, tengah dan kanan).



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
05 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
The Supply, Delivery, Installation,
Setup, Configuration, Testing,
Commissioning And Maintenance
Of Access Point Infrastructure At
Blok Pengajian 1 Institut Tahfiz
Al-Quran Sultan Haji Hassanal
Bolkiah, Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 17 September 2025
Jam 2.00 Petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
71 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Supply And Delivery Of Android
Tablets With Accessories For
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 17 September 2025
Jam 2.00 Petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
76 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
The Supply, Delivery, Installation
And Support Of Card Printer For
Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji
Hassanal Bolkiah (ITQSHHB)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 17 September 2025
Jam 2.00 Petang



1. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUAMP RIPAHS, KATOK /
2025-2026

Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 12 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Arab
Menengah Perempuan Raja Isteri
Pengiran Anak Hajah Saleha,
Katok

2. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SARIPAD / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 12 Bulan
Bagi Sekolah Arab Raja Isteri
Pengiran Anak Damit,
Bandar Seri Begawan

3. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUM /
2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Masin,
Kawasan Brunei IV

4. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUBM
/ 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Batu
Marang, Kawasan Brunei IIB.

Di Bawah Kawalan Jabatan
Pengajian Islam, Kementerian Hal
Ehwal Ugama Tahun 1446H -
1447H / 2025M - 2026M

Tarikh Tutup:
Rabu, 24 Rabiulawal 1447H /
17 September 2025M



Bilangan Tawaran:
JBT / S / 11 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Pembekalan Tujuh (7) Unit Sistem
Kamera Litar Tertutup (CCTV)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 24 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JDBM / QSTOR / 010 / 2025
Membekalkan Perkakas
Kelengkapan Bagi Membina dan
Memperbaiki Sangkar Kegunaan
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 September 2025



**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
9 September 2025, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
23 September 2025, Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
24 September 2025
Rabu



Iklan Tarikh Lanjutan

**Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi**

Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 3.2025
Central Digitisation Contract
(CDC): The Provision of Document
Collection, Delivery, Transportation,
Sorting, Digital Capture, Indexing,
Migration, Testing and Quality
Inspection of Digitisation Service

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
17 / BBS / SH / 2025 – 2026

Keterangan Projek:
Supply And Installation Of
Fluted Wood Panel Decorative
Strip Design WPC Wall Paneling
System At Dewan Bandaran and
Bilik Mesyuarat, Jabatan
Bandaran Kuala Belait dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 September 2025



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
II Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
23 September 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
7 Oktober 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 033 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Paip
Pembetung Berhampiran Pam
Stesen PB3B Di STKRJ Kg.
Mumong, Daerah Belait.

No. Projek:
2025ADKB/2106/002-003-014

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0026 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Install CCTV At Marine
Biodiversity Centre, Meragang

Tarikh Tutup :
Khamis, 25 September 2025



Tawaran No. 01
To Supply and Install New VRF
Aircon Cassette Units & Lighting
for VIP Corridor Walk Way
Complex Building at Brunei
International Airport
AME / 2025-2026 / SH-55
(Kelas III atau ke atas)

Tawaran No. 02
Airfield Ground Lighting
Maintenance Works to
Runway & Taxiway at Brunei
International Airport

AME / 2025-2026 / SH-56
(kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 03
Term Contract for One (1) Year
Civil Works Maintenance at
Department of Civil Aviation -
FSOR

AME / 2025-2026 / SH-59
(kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 04
Term Contract for 12 Months
Maintenance Work on
Roofing Leakages at Brunei
International Airport -
FSOR

AME / 2025-2026 / SH-60
(kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 05
Term Contract for One (1) Year
Terminal Building Civil Works
Maintenance, Brunei International
Airport - FSOR
AME / 2025-2025 / SH-61
(kelas II atau ke atas)


**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 99 / 25 - 26
Supply and Delivery Of Camera
Battery and Charger For
EFP and ENG

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BN5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan) (*Hardcopy*)

Tarikh Tutup:
Rabu, 17 September 2025
Jam 2.00 Petang



Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 100 / 25 – 26
Pembinaan Set Bagi Rancangan
"Bermukun Se-Borneo 2025"

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan) (*Hardcopy*)

Tarikh Tutup:
Rabu, 17 September 2025
Jam 2.00 petang


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa Kementerian Hal
Ehwal Luar Negeri**

Jawatan Kosong:
Di Sekretariat Agung OIC, Jeddah

Jawatan:
Dire tor of Legal Affairs Department

Tarikh Tutup:
14 September 2025

Untuk makluman,
pemohon-pemohon yang berminat
hendaklah menghadapkan terus
permohonan dan curriculum vitae
melalui e-mel:
vacancy@oic-oci.org



For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 104 / 2025 / PHARM (TC)

Bilangan Tawaran:
DRG / 99 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years
Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 100 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 101 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 102 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 103 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 105 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 106 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 107 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 108 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of

Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 109 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 110 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 111 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
30 September 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**1. MOE / LTK / 56 / 2025 / 2026
(JPPE-SEPT-2025)**

5 Years Fully Comprehensive
Maintenance Term Contract For
'Sigma' Lifts Under Minstry Of
Education, Negara Brunei
Darussalam,

Kelas : Terbuka
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan, Negara
Brunei Darussalam)
Kategori : KPME02

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran :**
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran
Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
27 September 2025 (Sabtu)

Tarikh Tutup dan Waktu :
30 September 2025, Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**2. MOE / LTK / 57 / 2025 / 2026
(JPPE-SEPT-2025)**
Renovation Works To Teachers'
Quarters Class F At Amo Primary
School (PWD 173A & 173B),
Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas : II / III
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan, Negara
Brunei Darussalam)
Kategori : B01, E01

**Bayaran Yuran/ Dokumen
Tawaran:**
BND10.00 [Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran

Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
27 September 2025 (Sabtu)

Tarikh Tutup dan Waktu:
30 September 2025 - Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**3. MOE / LTK / 58 / 2025 / 2026
(JPPE-SEPT-2025)**
External Repairworks To Flat Class
EF18, EF19, EF20, EF21, EF22,
EF25, EF26 & EF27 In Beribi
Gadong Housing Under
Ministry Of Education,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas : III / IV Sahaja
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam)
Kategori : B01, KPBO2

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND50.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran
Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
27 September 2025 (Sabtu)

Tarikh Tutup dan Waktu :
30 September 2025 – Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



PERATURAN PENGIKLAMAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Bilangan Tawaran :
KKBS / OBBD / F-003 (02-2025)

Tajuk Tawaran:
Re-Quotation Membekal Peralatan dan Perkakas Medik Di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tarikh Tutup :
Khamis,
18 September 2025



Bilangan Tawaran:
KK / 268 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Prosthodontic Consumables Items Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 276 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver G6PD Qualitative Screening Kits For National Clinical Chemistry Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 277 / 2025 / LAB

Keterangan:
To Supply And Deliver Chemistry Laboratory Test Kits For Chemistry Analyzer For PIHMH Laboratory Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of One (1) Year Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
23 September 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Tajuk Tawaran:
The Supply And Delivery Of Portable Push To Talk Device Bundle With LTE At Brunei International Airport
ATELS / 2025 / SH-16

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
10 September 2025, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
23 September 2025, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
24 September 2025, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Kelas & Kategori:
I, B01

Bilangan:
SPA / BPK / SBH / 04 / 2025

Tajuk Tawaran :
Pembukaan Dinding, Pintu dan Dinding Kaca di Tingkat 3 Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin, 8 September 2025

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen tawaran:
Sabtu, 13 September 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu, 20 September 2025

Yuran Tawaran:
BND5.00 tunai (Tidak dikembalikan)



Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of New Vr-Link RCMS Interface Unit For Non-Directional Beacon (NDB), Department Of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH-29

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
3 September 2025, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
16 September 2025, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
17 September 2025, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)



Bilangan Tawaran:
KHEDN / UTM / LTK / 04 - 2025

Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing And Commissioning Of Cabling Works And Network Equipment For Departments Under The Ministry Of Home Affairs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 16 September 2025
Jam 2.00 Petang



Iklan Tarikh Lanjutan

Kelas :
(II, II, IV & V Sahaja)

Kategori :
[KA01, KPB04, M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
4 September 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup Tawaran:



JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI LANSKAP KANAN JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI B.3 (BAHAGIAN II) 2025/SEP/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38 (A)	22 SEPTEMBER 2025
2. PENYAMBUNG KABEL RENDAH JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2025/SEP/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	7 (A)	22 SEPTEMBER 2025

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANSEK DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Sebut Harga / Tawaran Bagi Perbekalan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
12 / 2025-2026
Tawaran Kerja-Kerja Penggantian Atap Di Laluan Antara Jabatan Ukur dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan

Tarikh Tutup:
Selasa, 16 September 2025
Jam 2.00 Petang



16 September 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 032 / 2025

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian Sistem Paip Air Utama dan Tangki-Tangki Air Bagi Ke Semua Daerah, Menaiktaraf Booster



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 26

Tajuk Tawaran:
Event Management Services For Networking Session Between Brunei Darussalam, Thailand And Vietnam Travel Agencies, 15 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
2 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Bangar dan Lakiun Serta Pemasangan Paip Air Utama Baharu Ke Tangki Simpanan UNISSA, Daerah Temburong

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM



1 Pilih makanan segar dan tidak berproses

2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei

Health Promotion Centre

Talian Darussalam 123

SEMINAR TEROKAI APLIKASI INOVATIF GEOSINTETIK



PUJA Academy Sdn. Bhd. dengan kerjasama ATH-Chevron Sdn. Bhd. dan Tensar di bawah CMC semasa mengadakan satu seminar yang berlangsung di Teater Kuliah, Mutiara Exchange.

Siaran Akhbar dan Foto : PUJA Academy Sdn. Bhd.

TUNGKU LINK, Rabu, 10 September. - PUJA Academy Sdn. Bhd. dengan kerjasama ATH-Chevron Sdn. Bhd. dan Tensar di bawah CMC telah mengadakan satu seminar bertajuk 'Tensar Geosynthetic Application: Ground Stabilisation & Reinforced Soil Structure' yang berlangsung di Teater Kuliah, Mutiara Exchange,

hari ini. Seminar ini telah menghimpunkan para profesional dari sektor kejuruteraan dan pembinaan untuk meneroka aplikasi inovatif geosintetik dalam pembangunan infrastruktur moden. Seminar tersebut dikendalikan oleh Jurutera Geoteknik

Bertauliah dan Fellow di Institution of Civil Engineers (UK), Mike Dobie. Dikenali kerana kepakarannya dalam kaedah reka bentuk tanah bertetulang dan teknologi penstabilan mekanikal, Mike Dobie telah berkongsi pandangan yang bernilai mengenai peranan geosintetik yang semakin berkembang dalam membina infrastruktur yang tahan lasak dan menjimatkan kos.

Beliau menekankan bagaimana teknik penstabilan mekanikal, khususnya penggunaan *geogrid uniaxial*, boleh meningkatkan prestasi turapan, menambah ketahanan dan memanjangkan jangka hayat perkhidmatan. Para peserta turut memperoleh pengetahuan praktikal mengenai pertimbangan reka bentuk, metodologi dan aplikasi dunia sebenar yang semakin penting

dalam projek infrastruktur masa kini. PUJA Academy terus memajukan pembangunan profesional dengan menganjurkan seminar dan program latihan yang berimpak dalam bidang kejuruteraan, ukur, seni bina dan pembinaan, bagi memastikan para pengamal industri sentiasa dilengkapi dengan pengetahuan dan inovasi terkini.

Meneroka peluang kerjasama antara agensi pelancongan



SESI bergambar ramai pada Taklimat Produk dan Sesi Rangkaian antara pemain industri pelancongan Brunei Darussalam dan Sabah.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

KOTA KINABALU, SABAH, Rabu, 10 September. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, baru-baru ini menganjurkan Taklimat Produk dan Sesi Rangkaian antara pemain industri pelancongan Brunei Darussalam dan Sabah. Acara ini bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dan meneroka peluang kolaborasi antara agensi pelancongan dari kedua-dua buah negara. Mengiktiraf Malaysia sebagai pasaran utama, inisiatif ini diadakan selaras dengan peningkatan berterusan ketibaan pelancong Malaysia ke Brunei.

Malaysia secara konsisten berada dalam kedudukan tiga teratas sebagai penyumbang utama ketibaan pelancong ke Brunei. Pada tahun 2024, Brunei mencatatkan sejumlah 427,536 ketibaan dari Malaysia melalui udara, darat dan laut. Sehingga Julai 2025, jumlah ketibaan telah mencecah 272,085 - melebihi separuh daripada jumlah tahun sebelumnya - menunjukkan permintaan yang masih kukuh. Pertumbuhan ini menyerlahkan potensi untuk hubungan yang lebih erat antara kedua-dua negara, diperkukuh melalui kolaborasi strategik seperti sesi jaringan ini.

Sesi ini menghimpunkan ejen pelancongan dari Brunei bersama 30 wakil dari Sabah, termasuk ahli Persatuan Pelancongan Sabah (STA) dan Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Sabah (SATTA). Jalinan ini berperanan sebagai platform untuk mengukuhkan hubungan industri dan meneroka peluang pembangunan produk pelancongan kolaboratif antara Brunei dan Sabah. Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh, diikuti dengan pembentangan mengenai pelancongan yang ditawarkan oleh Brunei Darussalam, pandangan terhadap pasaran sasaran, serta



fakta menarik tentang tarikan negara untuk tujuan promosi yang berkesan. Seterusnya, Sesi Rangkaian Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B) telah diadakan, di mana ejen Brunei dan Sabah berinteraksi secara bersemuka, bertukar pandangan, dan meneroka peluang kerjasama. Para peserta menyatakan minat yang tinggi terhadap kerjasama masa depan, termasuk aktiviti promosi bersama dan pakej pelancongan rentas sempadan. Sebagai susulan, Jabatan Kemajuan Pelancongan merancang untuk menganjurkan lawatan pengenalan (FAM trip) ke Brunei Darussalam dalam beberapa bulan akan datang bagi ejen pelancongan terpilih dari Sabah. Inisiatif ini, yang merupakan

amalan biasa selepas sesi seperti ini, akan membolehkan para peserta mengalami sendiri produk pelancongan Brunei dan mengenal pasti cara untuk mengintegrasikannya dalam pakej pelancongan masa depan. Inisiatif ini menegaskan komitmen Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam memperkukuh kerjasama pelancongan serantau dan mempelbagaikan pasaran pelawat ke Brunei melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan utama. Dengan memanfaatkan tarikan budaya, semula jadi dan pengembaraan yang dikongsi bersama, kerjasama antara Brunei dan Sabah menyokong usaha untuk memposisikan Borneo sebagai destinasi pelancongan yang bersatu dan berdaya saing di Asia Tenggara.

2 WARGA ASING DITAHAN ATAS KEGIATAN TIDAK BERMORAL



ANTARA hasil daripada serbuan yang dijalankan di sebuah rumah sewa di kawasan Kampung Tanjong Nangka.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 September. - Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat (USPPPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya menjalankan satu serbuan di sebuah rumah sewa di kawasan Kampung Tanjong Nangka baru-baru ini.

Hasil daripada serbuan tersebut, pihak polis telah menahan dua wanita warga asing berusia 34 dan 39 tahun yang dipercayai terlibat dalam kegiatan pelacuran.

Suspek dan kesemua barang rampasan, iaitu sebuah telefon bimbit dan wang tunai, ditahan dan dibawa ke JSJ untuk tindakan dan siasatan selanjutnya. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 294A Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22, atas kesalahan menawarkan khidmat seks.

PPDB menegaskan komitmen berterusan dalam membanteras kegiatan tidak bermoral yang boleh mengancam kesejahteraan

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

masyarakat.

Orang ramai juga diseru agar terus memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat

yang relevan bagi membantu pihak berkuasa dalam usaha mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

Peluang sertai Kempen Derma Darah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 September. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah di beberapa buah tempat yang telah dipilih dan dirancang.

Oleh yang demikian, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen-kempen akan diadakan pada Sabtu, 13 September 2025 di Mini Showroom, QAF Center Tapak Perindustrian Beribi bermula pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Sementara itu, pada Isnin, 15 September 2025 akan diadakan di Tingkat Bawah, Pusat Membeli-belah OneCity, anjuran Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Kempen Derma Darah seterusnya akan diadakan pada

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Sabtu 13 September 2025 9.00 pagi hingga 2.00 petang	MINI Showroom, QAF Center Tapak Perindustrian Beribi
Isnin 15 September 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Tingkat Bawah, Pusat Membeli-belah OneCity, Anjuran Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya
Khamis 18 Septmber 2025 7.30 malam hingga 9.00 malam	Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Sabtu 20 September 2025 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari	Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong Anjuran PEKERTI

■ **Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

Khamis, 18 September 2025 di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bermula pukul 7.30 malam hingga 9.00 malam dan pada Sabtu, 20 September 2025 di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong anjuran PEKERTI bermula pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital RIPAS untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

Lelaki tempatan didenda miliki barangan tegahan



■ **Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 September. - Seorang lelaki warga tempatan didakwa di Mahkamah Majistret atas satu

pertuduhan kerana memiliki barang-barang tegahan kastam, iaitu 10 karton rokok. Majistret Kanan, Dewi

Norlelawati binti Haji Abdul Hamid, membuat keputusan berkecualan selepas Fadhillah bin Sahri, 37 tahun didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 dan dijatuhkan hukuman.

Defendan ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, di Pos Kawalan Kuala Lurah pada 4 Julai 2025, pukul 8.42 malam.

Defendan dihukum denda mahkamah sebanyak BND8,000 atau lapan bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda. Semua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

PUISI

Rasulullah pemimpin agung

Syapen bermula dengan Bismillah,
Selawat kepada junjungan Allah,
Nabi Muhammad Ya Rasulullah,
Rasul terakhir Ya Habibullah.

Rasulullah pesuruh di akhir zaman,
Mengajak umat untuk beriman,
Melalui Al-Quran disampaikan firman,
Penuh petunjuk berbagai pedoman.

Kelahiran Baginda di Tahun Gajah,
Tahun Gajah menyerang Kaabah,
Pasukan diketuai oleh Abrarah,
Niat Mekkah mau dijelajah.

Dari Mekkah berhijrah ke Madinah,
Berpindah Nabi dari difitnah,
Madinah kota penuh sakinah,
Tempat disebarkan ajaran Ahlusunnah.

Madinah dahulu digelar Taibah,
Mula berdakwah Baginda disanggah,
Berkat sabar penuh tabah,
Di kota ini penyokong bertambah.

Rasulullah utusan pesuruh junjungan,
Ajaran Baginda jadi panduan,
Siar ajaran jadi sanjungan,
Islam berkembang ugama keagungan.

Dakwah Baginda penuh pedoman,
Mengajak umat terus beriman,
Berdasarkan hadis dan juga firman,
Tetap berguna ke akhir zaman.

Nama Mu tercatat dalam Al-Quran,
Ajaran jadi contoh teladan,
Sangat berfaedah dijadikan panduan,
Petunjuk kearah kesempurnaan insan.

Akhlaq Nabi kasihi keluarga,
Hidup aman berumah tangga,
Tiada pernah rasa curiga,
Contoh teladan yang sangat berharga.

Nabi jujur penuh amanah,
Selesaikan masalah sifat fatanah,
Memimpin keluarga kehidupan sakinah,
Contoh teladan mengikut sunah.

Banyakkan berselawat untuk Baginda,
Sudah diperingat melalui sabda,
Ketika Maulud dilipat ganda,
Usah lalai jangan ditunda.

Terus berselawat jangan berhenti,
Ganjaran diterima sudah pun pasti,
Bersihkan jiwa tenang hati,
Ganjaran tetap akan menanti.

Wassalam penyudah penutup kata,
Apa yang tulis semua fakta,
Bukan dongeng atau pun dusta,
Jika tersalah kemaafan diminta.

"Allahumasolli alaihuhammad"

Nadi@

Jumaat

Rabiulawal ke 12 Hijrah 1447
September ke 5 Masihi 2025



Anak pelengkap hidup ibu bapa

Oleh : Nur Alya Irdina Haji Madali, Penempatan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam di Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

ANAK adalah amanah berharga daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Kehadiran mereka bukan sahaja melengkapkan sesebuah keluarga tetapi juga membawa kebahagiaan yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa. Tanggungjawab membesarkan anak bukan suatu perjalanan yang mudah, ia memerlukan kesabaran, kasih sayang dan bimbingan yang berterusan. Ibu bapa bukan sekadar menyediakan keperluan fizikal, tetapi juga membentuk sahsiah, membimbing anak menjadi insan yang beriman, berakhlak mulia dan berguna kepada agama, masyarakat dan negara serta mempersiapkan mereka untuk menghadapi dunia realiti yang sebenar.

Anak-anak juga merupakan aspirasi keluarga yang mampu mengubah hidup keluarga ke arah yang lebih baik. Dari saat mereka lahir sehingga dewasa, peranan mereka sentiasa berevolusi daripada hanya membantu menguruskan kerja-kerja rumah kepada menjadi tulang belakang keluarga. Gelak tawa dan telatah mereka mengubah rumah yang sunyi menjadi meriah lebih-lebih lagi saat bersama keluarga berkumpul di meja makan, sewaktu cuti atau ketika majlis kekeluargaan. Justeru, mengeratkan lagi tali silaturahim yang sudah terjalin antara ibu bapa dan saudara-mara yang lain.

Dalam pada itu, anak-anak menjadi pendorong utama kepada ibu bapa untuk bekerja lebih gigih sehingga mereka sanggup berkorban masa, tenaga dan kewangan supaya anak-anak membesar dengan baik serta menjadi insan yang berguna dan

berjaya. Anak-anak adalah generasi yang akan meneruskan legasi keluarga dan membawa nama baik keluarga walau ke mana sahaja mereka melangkah.

Hari Keluarga Kebangsaan memperteguh ikatan

Bagi memperkuat institusi keluarga dan menyebarkan mesej tentang kepentingan dalam membina masyarakat yang sejahtera, Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan Hari Keluarga Kebangsaan disambut pada Ahad minggu pertama dalam bulan Mei setiap tahun. Usaha ini juga selari dengan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu mencapai Kualiti Kehidupan Yang Tinggi. Ini kerana keluarga yang penyayang, kukuh dan berdaya tahan adalah teras utama untuk membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Usaha gigih ibu bapa

Jasa dan pengorbanan kedua ibu bapa terlalu besar dan ia tidak dapat dinilai dengan wang atau harta. Hidup ini diibaratkan seperti roda yang berputar, kalau sebelumnya ibu bapa yang memenuhi segala keperluan anak, kini apabila anak-anak sudah melangkah ke alam dewasa, tiba giliran anak-anak yang memenuhi keperluan dan membalas pengorbanan mereka.

Kejayaan anak-anak sama ada dalam bidang akademik, kerjaya mahupun kehidupan peribadi adalah yang amat

dinanti-nantikan oleh kedua ibu bapa. Siapa yang tidak mahu melihat anak-anaknya berjaya? Kejayaan anak-anak adalah bukti segala penat lelah dan pengorbanan kedua ibu bapa selama ini tidak hanya sia-sia. Kejayaan ini bukan sahaja menjadi kebanggaan, tetapi juga hadiah yang paling bermakna dan berharga bagi setiap ibu bapa.

Apa yang menghibakan apabila kita melihat ibu bapa kita yang semakin dimamah usia, bermakna masa kita bersama mereka semakin suntuk. Di fasa ini, mereka lebih memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada anak-anak, bahkan mereka juga akan lebih terdedah kepada pelbagai masalah kesihatan. Maka di sinilah peranan anak sangat penting sebagai penjaga untuk memeduli dan memastikan kedua ibu bapa memperoleh penjagaan kesihatan yang terbaik, pemakanan yang seimbang dan persekitaran yang selesa. Menjaga kedua ibu bapa di usia tua adalah satu amanah yang mulia dan mendapat pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada masa yang sama, ibu bapa akan menjadi lebih mudah sensitif dengan setiap perbuatan dan tutur kata orang sekelilingnya. Apabila berbicara dengan orang yang lebih tua, anak-anak hendaklah menggunakan kata-kata yang lemah lembut serta beradab, tidak menyinggung perasaan dan menyakiti hati kedua ibu bapa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa', ayat 23, tafsirnya : "Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau

kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan 'Ha' dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)".

Doa anak yang soleh pelaburan untuk akhirat

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Apabila seseorang manusia (Islam) meninggal dunia, maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu pengetahuan yang bermanfaat dan anak yang soleh yang sentiasa mendoakan kepadanya". (Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim). Hadis ini menunjukkan bahawa doa anak yang soleh adalah salah satu amalan yang tidak akan terputus pahalanya. Ia menjadi bekalan berterusan yang sangat berharga kepada ibu bapa di akhirat kelak. Mendoakan untuk kesejahteraan, kesihatan dan kebahagiaan adalah tanda kasih sayang dan bakti seorang anak kepada kedua ibu bapa.

Kesimpulan

Berbakti kepada kedua ibu bapa adalah kunci kejayaan dan kebahagiaan dalam hidup. Melihat dengan mata sendiri, anak-anak mampu berdiri di atas kaki sendiri dan menjalani kehidupan mereka dengan selesa dan stabil adalah harapan setiap ibu bapa. Dengan itu, ibu bapa boleh menjalani sisa-sisa hari tua mereka dengan lebih tenang di sisi keluarga yang tercinta.





The Healing Space sokong usaha perjalanan pemulihan mental pesakit

Rencana dan Foto : Nurdiyanah Rajami

DALAM meniti liku-liku kehidupan ini, kita tidak terlepas daripada mengalami rangkaian emosi, cabaran dan ujian. Ianya perkara bersifat universal yang boleh menyumbang kepada faktor-faktor yang berhubung kait dengan isu-isu kesihatan mental.

Mungkin ramai dalam kalangan kita yang masih tidak sedar ataupun hanya mengambil ringan mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kehidupan seharian. Masalah kesihatan mental bukan sahaja merujuk kepada akal tidak sihat, namun tekanan, keresahan, insomnia dan kemurungan juga adalah sebahagian daripada tanda-tanda masalah kesihatan mental yang boleh memudaratkan diri seseorang jika tidak ditangani segera dan boleh membawa kepada peristiwa tragis seperti bunuh diri dan jenayah lain.

Sehubungan itu, demi mencapai matlamat murni sebagai salah satu usaha untuk menyokong pemulihan mental pesakit secara holistik semasa kemasukan ke dalam wad untuk rehabilitasi jangka masa panjang, sebuah taman hidroponik terapeutik yang dikenali sebagai The Healing Space telah dilancarkan di Bungalow 7, Pusat Rehabilitasi Psikiatrik, Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Kampung Kiarong, pada 1 September, baru-baru ini.

The Healing Space merupakan aktiviti Community Outreach Project (COP) di bawah Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan Ke-36 (EDPMO-36), yang dikendalikan oleh Kumpulan The Revival yang terdiri daripada lima orang ahli iaitu Pegawai Staf Kanan, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Kahirul Zulkarni bin Haji Abdul Ghafor; Jurutera Kanan Hospital, Kementerian Kesihatan, Awang Ir. Abdul Mushawwir bin Haji Abdul Rahman; Pegawai Pelajaran Ugama Kanan, Kementerian Hal

Ehwal Ugama, Awang Haji Aziman bin Haji Zaman; Pegawai Perkhidmatan Pengurusan Kanan, JPM, Dayang Jiduraina binti Haji Ibrahim dan Jurutera Kerja, Kementerian Pertahanan, Dayang Tieng Chwei Peng.

Di sebalik The Healing Space

Bagi meninjau lebih lanjut mengenai The Healing Space, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual para ahli kumpulan berkenaan.

Awang Haji Kahirul Zulkarni semasa ditemui menjelaskan bahawa taman hidroponik terapeutik diketengahkan bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang tenang dan selamat bagi pesakit untuk membuat aktiviti fizikal dan berinteraksi dengan komuniti.

"Taman ini menempatkan enam rak hidroponik dengan 396 pasu, lengkap dengan bekalan satu tahun bagi sistem hidroponik, bekalan anak pokok, baja, alat ganti dan pemeliharaan bulanan yang disediakan oleh Agrowmetro. Manakala penaja bagi projek ini adalah Syarikat NBT Brunei Sdn. Bhd. dan Syarikat Hua Ho Department Store di samping itu, Al-Barakah Company@ABCeats, Vertical Infinity dan Nurfarisha Sdn. Bhd. turut sama menaja semasa majlis pelancaran taman hidroponik terapeutik ini.

"Melalui aktiviti penanaman hidroponik, pesakit berpeluang untuk meningkatkan kemahiran hidup, memiliki rasa hala tuju dan pencapaian, serta dapat menyumbang kepada perjalanan pemulihan mereka. Projek ini juga menggalakkan pemakanan sihat melalui pengambilan hasil tanaman yang segar," ujarnya.

Di samping itu, Awang Ir. Abdul Mushawwir turut menambah bahawa projek ini juga akan

menjana pendapatan melalui penjualan hasil tanaman, yang akan digunakan semula untuk program kebajikan pesakit dan kelestarian taman hidroponik terapeutik.

"Dengan adanya The Healing Space dihasratkan ianya juga akan dapat memberi manfaat kepada pemulihan pesakit yang lebih baik," jelas beliau.

Tercetusnya idea pemilihan projek

Menurut Awang Haji Aziman antaranya berkata setiap peserta Program EDPMO-36 secara berkumpulan dikehendaki untuk melaksanakan satu COP yang boleh memberi impak kepada komuniti yang mana sasaran pelaksanaan bagi program berkenaan adalah pada minggu pertama bulan September 2025.

Kongsi beliau, Kumpulan The Revival telah menghasilkan sebanyak lapan idea yang berlainan sebelum memilih melaksanakan projek The Healing Space. Ketetapan dibuat setelah meneliti kebolehlaksanaan, kelestarian projek dan mengambil kira minat ahli kumpulan dalam menyokong usaha pemulihan kesihatan mental di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Taman terapeutik yang telah dilancarkan di Klinik As-Syafii pada tahun 2022 oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan merupakan inspirasi awal bagi projek ini. Taman tersebut bertujuan untuk memberikan ruang pemulihan dalam persekitaran semula jadi dan menenangkan bagi para pesakit. The Healing Space memperluaskan legasi tersebut dengan menambah elemen berkebun secara hidroponik dan kelestarian projek," tambahnya.

Fasa-fasa persiapan demi kejayaan projek

Sementara itu, Dayang Jiduraina turut menyentuh dari segi persiapan dalam

menghasilkan projek yang mana jelasnya projek ini dijalankan mengikut tatacara pengurusan projek yang merangkumi fasa-fasa *initiation*, perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penutupan. Setiap tugas projek dibahagikan mengikut kemahiran dan pengalaman ahli-ahli kumpulan yang berasal dari jabatan-jabatan yang berlainan.

"Pada peringkat awal projek, Kumpulan The Revival telah mengadakan perbincangan bersama pihak Pusat Rehabilitasi Psikiatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sebagai klien, dan pembekal sistem hidroponik Agrowmetro untuk menilai keperluan dan kebolehlaksanaan projek.

"Setelah itu, skop, anggaran harga, garis masa, dan pelan pengurusan risiko projek disediakan bagi tujuan perancangan dan kelancaran projek. Aspek latihan, pemeliharaan dan kelestarian projek juga diutamakan untuk meningkatkan peluang projek terus berjaya dalam jangka masa panjang," ujar beliau.

Sementara itu, Dayang Tieng Chwei Peng turut menambah bahawa skop projek berkenaan juga termasuk latihan kepada kakitangan Pusat Rehabilitasi Psikiatrik dan bekalan satu tahun bagi benih, baja, alat ganti, dan pemeliharaan bulanan. Latihan telah dilaksanakan pada 28 Ogos 2025 sebelum projek dilancarkan secara rasmi pada 1 September 2025.

"Projek ini juga tidak akan berjaya tanpa kepercayaan dan kerjasama daripada pihak Kementerian Kesihatan dan tajaan dari syarikat-syarikat yang terlibat. Pasti Kumpulan The Revival berharap projek The Healing Space ini akan dapat menjadi inspirasi kepada fasiliti kesihatan dan komuniti lain untuk melaksanakan inisiatif seperti ini, pada masa yang sama meningkatkan usaha pemulihan pesakit kesihatan mental di NBD," luah beliau dengan harapan tulus.



MENINGKATKAN KESEDARAN, KEPATUHAN KE ATAS PERINTAH KAWALAN HARGA



SUASANA pemeriksaan bersepadu Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke Pasar Tani Selayun (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 September. - Para pengusaha bangku pasar diingatkan untuk mengamalkan ketelusan harga serta menjalankan amalan perniagaan yang telus dan beretika dengan mematuhi Perintah Kawalan Harga (Paparanda Tanda Harga) dan Akta Sukatan dan Timbangan (SDT), Penggal 151.

Perkara berkenaan ditekankan semasa pemeriksaan bersepadu Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke Pasar Tani Selayun, baru-baru ini.

Pemeriksaan bersepadu bertujuan bagi memantau dan meningkatkan kesedaran dan kepatuhan para pengusaha bangku pasar ke atas Perintah Kawalan Harga (Paparanda Tanda Harga) dan Akta SDT, Penggal

151, dalam usaha untuk memelihara kesejahteraan pengguna dan membina persekitaran perniagaan yang wajar dan telus.

Hasil daripada pemeriksaan bersepadu, JPES mendapati lebih daripada 50 pengusaha bangku patuh terhadap Perintah Kawalan Harga (Paparanda Tanda Harga). Sementara itu, sebilangan pengusaha bangku masih didapati tidak mempamerkan tanda harga atau mempamerkan tanda harga pada sebahagian barangan sahaja.

Para pengusaha bangku diberi amaran untuk mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul pada barangan yang dijual, dan jika didapati melakukan kesalahan berulang, boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak BND1,000 menurut Bab 10A, Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Para pengusaha bangku turut diberikan poster mengenai paparan tanda harga bagi

meningkatkan kesedaran terhadap Perintah Kawalan Harga (Paparanda Tanda Harga). Mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul pada barangan yang dijual adalah penting bagi membolehkan pengguna untuk membuat pembelian yang bermaklumat.

Sementara itu, Unit SDT mendapati sebanyak 73 unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Dua unit gagal mematuhi Akta SDT, Penggal 151, iaitu menggunakan alat sukat dan timbang yang telah mansuh tempoh kebenaran pendaftaran yang dibenarkan.

Pihak Unit SDT telah mengeluarkan satu Notis Peringatan dan pemilik alat dikehendaki hadir ke Pejabat Unit SDT mengikut tadahan alat didaftarkan dalam tempoh tujuh hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan bagi memperbetulkan isu berkenaan.



Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kesalahan di bawah Akta SDT, Penggal 151 boleh didenda sebanyak BND1,000 atau penjara selama tiga bulan atau kedua-duanya sekali dan timbangan, sukat atau alat untuk menimbang tersebut boleh disita.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai paparan tanda harga serta sukat dan timbangan

boleh disalurkan melalui saluran rasmi seperti berikut, iaitu Perintah Kawalan Harga (Paparanda Tanda Harga) : Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn; Akta SDT, Penggal 151 : Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui e-mel sdtd@mofe.gov.bn.



Meningkatkan kefahaman kepentingan memelihara adab, tatacara pengurusan jenazah

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

SEKITAR Kursus Pengurusan Jenazah khusus bagi pegawai dan kakitangan Syarikat Takaful Brunei Sdn. Bhd. (kanan dan kanan sekali).

KIARONG, Khamis, 11 September. - Kursus Pengurusan Jenazah bukan sahaja memberikan pendedahan menyeluruh mengenai kaedah mengurus jenazah yang betul dan berlandaskan syariat Islam, malah turut berfungsi sebagai medium untuk meningkatkan kefahaman tentang kepentingan memelihara adab serta tatacara pengurusan dengan penuh rasa hormat dan tanggungjawab.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Bahagian Imarah dan Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, dengan kerjasama Syarikat Takaful Brunei Sdn. Bhd. pagi tadi menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah khusus bagi pegawai dan kakitangan



syarikat berkenaan bertempat di Dewan Serbaguna Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Kursus berkenaan dikendalikan secara berkala sepanjang tempoh dua bulan dan 68 orang telah menyertai Kursus Pengurusan Jenazah Siri Ketiga pagi tadi.

Pengisian kursus mengekalkan

modul seperti sesi - sesi sebelumnya, antaranya Tazkirah Pengurusan Jenazah disampaikan oleh Ketua Bahagian Imarah, JHEM, KHEU, Awang Haji Fansuri Sharimi@Mansur bin Mohamad Ali.

Sesi diteruskan dengan latihan praktikal untuk peserta lelaki yang dikendalikan oleh Imam Masjid



Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Awang Haji Muhd. Yadiy bin Haji Yusof.

Manakala sesi untuk peserta perempuan dipimpin oleh Dayang Hajah Rosmawati binti Haji Ismail dan Dayang Noradiana binti Haji Jumat.

Seterusnya, para peserta turut diberi tunjuk ajar secara praktikal

mengenai cara melaksanakan solat jenazah.

Selain itu, kursus berkenaan bertujuan membetulkan amalan-amalan khurafat yang masih dikaitkan dengan pengurusan jenazah. Kursus seumpama berkenaan akan diteruskan lagi pada tarikh yang telah dijadualkan.



RAS AL KHAIMAH (Emiriah Arab Bersatu), 11 Sept. – 'Land Aircraft Carrier', kereta terbang yang dibangunkan sebuah syarikat Republik Rakyat China, menerima permit penerbangan khas pada Rabu di Ras Al Khaimah, emiriah paling utara di Emiriah Arab Bersatu (UAE), lapor Xinhua.

Permit penerbangan khas itu diserahkan kepada pengasas XPENG AEROHT, Zhao Deli, yang berkata persekitaran inovasi terbuka di UAE menyediakan platform ideal untuk mengesahkan teknologi kereta terbang.

Majlis penganugerahan sijil itu dihadiri pemerintah Ras Al Khaimah merangkap ahli Majlis Tertinggi UAE Sheikh Saud bin Saqr Al Qasimi, Duta Besar Republik Rakyat China ke UAE Zhang Yiming, serta pegawai

KENDERAAN TERBANG REPUBLIK RAKYAT CHINA TERIMA PERMIT PENERBANGAN DI UAE

kanan lain.

Semasa acara itu, Pihak Berkuasa Pengangkutan Ras Al Khaimah menandatangani Memorandum Persefahaman strategik dengan syarikat berkenaan untuk bekerjasama dalam pensijilan ujian penerbangan dan aplikasi senario, serta mempromosikan penggunaan kereta terbang dalam bidang seperti pengangkutan kerajaan, pelancongan, dan misi menyelamatkan kecemasan.

Ketua Pengarah pihak berkuasa itu, Esmaeel Al Blooshi, berkata pengintegrasian teknologi kenderaan terbang Republik Rakyat China meningkatkan kedudukan UAE dalam mobiliti pintar global dan pengangkutan

rendah karbon, sekali gus menjadi contoh kepada rantau Timur Tengah.

'Land Aircraft Carrier' ialah pesawat elektrik sepenuhnya yang dilengkapi dengan paparan pintar bersaiz besar dan sistem kawalan satu tuil. Ia menyokong mod operasi automatik dan manual.

Sistem kawalan penerbangan termaju meningkatkan keselamatan operasi, manakala tahap bunyi yang rendah serta ciri mesra alam menjadikannya sesuai untuk kegunaan bandar.

UAE secara aktif mempromosikan pembangunan ekonomi altitud rendah dan melaksanakan dasar untuk menarik syarikat global dalam sektor pengangkutan pintar.

Arab Saudi rampas 6.87 juta pil amphetamine

RIYADH, 11 Sept. - Pemantauan keselamatan proaktif yang dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi, melalui Direktorat Jeneral Kawalan Narkotik, bagi menjejaki aktiviti dan operasi rangkaian jenayah yang terbabit dalam penyeludupan dadah, telah membawa kepada rampasan 6.87 juta tablet *amphetamine* yang berasal dari Lubnan, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Jurucakap kementerian, Brigedier Jeneral Talal bin Abdul Mohsen bin Shalhoub, berkata penghantaran itu, yang disembunyikan dalam bekas cat, berjaya dipintas di Pelabuhan Islam Jeddah ketika dalam perjalanan ke sebuah negara lain.

Dengan kerjasama Pihak Berkuasa Zakat, Cukai dan Kastam, serta perkongsian risikan bersama agensi rakan sejawat di Lubnan, pihak yang terlibat dalam cubaan penyeludupan itu telah ditahan, dan tambahan 8.0 juta tablet dalam simpanan mereka turut dirampas, menjadikan jumlah keseluruhan yang dirampas dalam operasi tersebut sebanyak 14.85 juta tablet.

Jurucakap keselamatan itu menggesa warga dan penduduk untuk melaporkan sebarang maklumat berkaitan penyeludupan atau pengedaran dadah dengan menghubungi talian 911 di Makkah, Madinah, Riyadh dan wilayah Timur, 999 di wilayah lain, talian Direktorat Jeneral Kawalan Narkotik di 995, atau melalui e-mel di 995@gdnc.gov.sa.

Beliau menegaskan bahawa semua laporan akan dirahsiakan dengan ketat, tanpa sebarang tanggungjawab dikenakan kepada pemberi maklumat. - ©BERNAMA

7 cedera dalam insiden letupan peledak periuk api latihan di Jeju

SEOUL, 11 Sept. - Tujuh individu, termasuk enam anggota simpanan tentera Korea Selatan, cedera selepas peledak sebuah periuk api latihan meletup awal minggu ini di sebuah unit Tentera Udara di pulau selatan Jeju, lapor Agensi Berita Yonhap pada Khamis, memetik pegawai.

Menurut Tentera Udara, kejadian itu berlaku semasa latihan anggota simpanan pada Rabu, mencederakan enam anggota simpanan dan seorang pegawai tidak bertaualiah.

Kesemua mereka mengalami kecederaan ringan seperti calar dan telinga berdesing. Mereka telah menerima rawatan di hospital berdekatan dan kemudiannya dibenarkan pulang.

Pasukan tentera itu sedang menyiasat punca sebenar letupan berkenaan.

Pada hari yang sama, satu letupan di unit artileri tentera darat di bandar Paju di barat laut negara itu telah mencederakan 10 anggota tentera. - ©BERNAMA

Banjir kilat ragut 3 nyawa, 5 hilang di Timur Indonesia

JAKARTA, 10 Sept. - Lima orang masih hilang pada Rabu selepas banjir kilat melanda beberapa kampung di wilayah Nusa Tenggara Timur, Indonesia, mengorbankan tiga orang dan mencederakan dua yang lain, menurut pihak berkuasa.

Bencana itu berlaku pada Isnin di daerah Mauponggo, wilayah Nagekeo, menyebabkan 18 kampung terputus akses jalan, bekalan elektrik dan rangkaian komunikasi.

"Keadaan cuaca yang tidak menentu serta timbunan besar sisa runtuh yang dibawa arus banjir masih menjadi cabaran utama bagi pasukan mencari dan menyelamatkan," kata jurucakap Agensi Pengurusan Bencana Negara (BNPB), Abdul Muhari dalam satu kenyataan.

Pihak berkuasa tempatan telah menubuhkan pusat penempatan sementara di Mauponggo bagi menempatkan 30 penduduk yang dipindahkan.

Agensi Pengurusan Bencana Nagekeo memaklumkan usaha sedang dijalankan untuk membuka semula laluan ke kawasan terjejas ketika operasi kecemasan memasuki hari ketiga. - ©BERNAMA

C.P. Radhakrishnan dipilih naib presiden India baharu

NEW DELHI, 10 Sept. - India telah memilih C.P. Radhakrishnan, seorang gabenor negeri sebagai naib presiden baharu bagi menggantikan Jagdeep Dhankhar yang meletak jawatan secara mengejut pada 21 Julai.

Radhakrishnan, 68, disokong oleh Perikatan Demokratik Nasional (NDA) yang diterajui Parti Bharatiya Janata. Beliau menewaskan calon daripada Perikatan Inklusif Pembangunan Nasional India (INDIA) pimpinan Kongres yang terdiri daripada pelbagai parti, iaitu bekas hakim Mahkamah Agung Sudershan Reddy, 79.

Pemilihan naib presiden itu diadakan pada Selasa, dengan badan perwakilan pemilih terdiri daripada ahli-ahli daripada kedua-dua dewan Parlimen.

Radhakrishnan, yang menerima 452 undi berbanding 300 undi untuk Reddy, telah berkhidmat sebagai gabenor Maharashtra sejak Julai 2024 dan pernah dipilih sebanyak dua kali sebagai ahli Parlimen dari Coimbatore di Tamil Nadu – pada 1998 dan 1999. - ©BERNAMA

Hubungan Malaysia-UK diperkukuh melalui diplomasi budaya di London

KUALA LUMPUR, 10 Sept. - Tiga acara terbaharu di London, iaitu Karnival Malaysia, Resepsi Malaysia dan CelebrASIA, secara kolektifnya mempamerkan keupayaan Malaysia menghubungkan masyarakat melalui kekayaan budayanya, menarik bukan sahaja warga Malaysia di luar negara malah ribuan rakyat Britain dan pelawat antarabangsa.

Dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom (UK), acara itu menampilkan makanan, muzik, kraf tangan, tarian dan kesusasteraan yang mengingatkan dunia bahawa Malaysia lebih daripada sekadar sebuah negara - ia adalah satu pengalaman budaya.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan dari London, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK Datuk Zakri Jaafar menyanjung kerjasama erat Malaysia-UK, mengimbas kembali hubungan sejarah yang mendalam dan menekankan kerjasama kukuh dalam bidang pertahanan, perdagangan, pendidikan, sains dan teknologi serta pertukaran budaya.

Beliau turut menekankan

kepengurusan semasa Malaysia dalam ASEAN, sekali gus menegaskan komitmen negara terhadap keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau.

Zakri menyatakan keyakinan bahawa ikatan antara ASEAN dan UK akan terus diperkukuh pada masa depan berasaskan rasa saling menghormati dan nilai bersama.

Karnival Malaysia tahunan yang diadakan pada 30 Ogos di Brickendonbury, Hertford, bersempena Hari Kebangsaan Malaysia, bertemakan batik yang menampilkan pameran, pertunjukan produk dan bengkel. Hampir 3,000 warga Malaysia dan pengunjung tempatan hadir ke karnival itu yang turut menampilkan demonstrasi silat, persembahan pentas berwarna - warni dan permainan tradisional.

Pada 4 September, Malaysia meraikan satu lagi acara penting dengan mengadakan resepsi khas di Muzium Tentera Darat Nasional di London, sempena ulang tahun ke-68 Hari Kebangsaan, ulang tahun ke-62 Hari Malaysia dan ulang tahun ke-92 Hari Angkatan Tentera. Majlis itu menghimpunkan anggota kor diplomatik, wakil

pelbagai agensi kerajaan UK, angkatan tentera, komuniti perniagaan serta sahabat Malaysia.

Sementara itu, minggu tersebut diakhiri dengan penganjuran festival Asia Tenggara terbesar di London, CelebrASIA, yang kini memasuki edisi kedua, berlangsung dari 5 hingga 7 September di Battersea Power Station.

Zakri berkata CelebrASIA adalah bukti nyata kepada perpaduan dan ketahanan masyarakat Asia Tenggara di UK, sekali gus menyerlahkan nilai persahabatan, kerjasama dan pertukaran budaya.

Acara itu diadakan di pelbagai dewan dan taman sekitar Battersea Power Station, mercu tanda ikonik London yang dimajukan semula melalui pelaburan Malaysia oleh konsortium SP Setia, Sime Darby dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Biarlah ia menjadi mercu tanda kepada apa yang mampu kita capai bersama. Apabila negara bergabung, apabila komuniti bekerjasama, apabila persahabatan mekar," kata Zakri. - ©BERNAMA

Trump, Modi bakal bincang perdagangan di sebalik sekatan minyak Rusia

WASHINGTON, 10 Sept. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump berkata beliau merancang mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri India Narendra Modi mengenai hubungan perdagangan meskipun AS mengenakan tarif ke atas barangan India berhubung pembelian minyak negara itu daripada Rusia, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Trump pada Selasa menerusi

platformnya, Truth Social, berkata rundingan yang bertujuan menghapuskan halangan perdagangan akan diteruskan dan beliau menantikan perbualan dengan "sahabat baiknya" Modi dalam beberapa minggu akan datang.

AS baru-baru ini mengenakan tarif tambahan sebanyak 25 peratus terhadap produk India dalam usaha memberi tekanan

kepada Moscow berhubung perang di Ukraine. India kekal sebagai satu-satunya rakan dagang Rusia yang disasarkan oleh sekatan AS berkaitan konflik itu.

Trump turut menyuarakan kebimbangan mengenai hubungan yang semakin erat antara Rusia, India dan China susulan pertemuan tiga pemimpin berkenaan pada sidang kemuncak Shanghai. - ©BERNAMA

KANAK-KANAK DI SELURUH ASIA SELATAN BERDEPAN KRISIS PEMAKANAN



DHAKA, 12 Sept. - Kanak-kanak di seluruh Asia Selatan kini berhadapan dengan krisis pemakanan yang semakin meruncing, dengan berjuta-juta mengalami kekurangan zat

makanan, anemia dan obesiti, menurut satu laporan yang dikeluarkan oleh Tabung Kanak - kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) di sini pada hari Rabu.

UNICEF memberi amaran bahawa sekiranya tindakan segera tidak diambil, masa depan berjuta-juta kanak-kanak akan berada dalam bahaya.

Laporan baharu UNICEF bertajuk 'Feeding Profit : How Food Environments are Failing Children' mendapati bahawa jumlah kanak-kanak berumur 5 hingga 19 tahun yang mengalami berat badan berlebihan telah meningkat lima kali ganda kepada 70 juta orang di Asia Selatan sejak tahun 2000.

Walaupun 48 peratus daripada

remaja yang bersekolah di rantau ini melaporkan bahawa sekolah mereka menyediakan perkhidmatan makanan seperti kantin atau kedai runcit kecil, kualiti makanan yang disediakan menjadi kebimbangan utama.

Pilihan tidak sihat, termasuk makanan ringan berbungkus (61 peratus), makanan segera (55 peratus), dan minuman manis bergula (55 peratus), dilaporkan sangat biasa.

UNICEF menyatakan bahawa corak ini amat ketara di Republik Rakyat Bangladesh.

Laporan tersebut mendedahkan bahawa makanan berbungkus dan makanan segera lebih mudah didapati berbanding pilihan yang lebih sihat seperti hidangan yang

dimasak segar, sayur-sayuran dan buah-buahan segar.

Trend ini menjadi penyumbang utama kepada cabaran kesihatan awam yang semakin meningkat berkaitan berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak.

Walaupun hanya 8 peratus kanak-kanak di Republik Rakyat Bangladesh pada masa ini mengalami berat badan berlebihan, kemudahan akses kepada makanan tidak sihat dalam persekitaran kritikal seperti sekolah menimbulkan risiko besar terhadap hasil kesihatan pada masa depan. - ©XINHUA



KANAK-kanak berlepas dari sebuah stesen kereta api di Dhaka, Republik Rakyat Bangladesh, 31 Mei 2025.

CAEXPO Ke-22 terserlah dengan penglibatan 39 bandar kembar dengan Guangxi

NANNING, 12 Sept. - Demi memacu peningkatan dan perkembangan Ekspo Republik Rakyat China-ASEAN (CAEXPO) serta terus membina platform kerjasama 'Bandar Kembar + Perdagangan dan Ekonomi' dengan memanfaatkan sepenuhnya sumber yang serasi, pihak penganjur CAEXPO edisi ke-22 akan terus menganjurkan aktiviti 'Bandar Kembar Antarabangsa dengan Guangxi Tampil di CAEXPO'.

Buat masa ini, persiapan bagi zon pameran berjalan lancar dan sebanyak 39 bandar kembar, bandar pertukaran persahabatan

atau pertubuhan persahabatan dari 19 negara mendaftar untuk pameran kali ini.

CAEXPO ke-22 berkeluasan hampir 600 meter persegi itu merangkumi ruang pameran utama untuk Wilayah Autonomi Guangxi, serta Zon Pameran 'Bandar Mempesona' Perak (Malaysia), Zon Pameran 'Bandar Mempesona' Sihanoukville (Kemboja) dan zon pameran Wilayah KwaZulu-Natal (Afrika Selatan).

Ia bakal menonjolkan pencapaian Guangxi dalam pertukaran dengan pelbagai bandar kembar, aplikasi

Kecerdasan Buatan (AI) dalam pertukaran terbabit, pencitraan pelbagai bandar kembar, serta produk warisan masing-masing.

Sepanjang tempoh CAEXPO 2025, pihak penganjur juga akan menganjurkan program promosi dan pertukaran untuk pempamer bandar kembar bagi menggalakkan kerjasama dalam pelbagai bidang dan memperhalusi pelaksanaan projek-projek terbabit.

Untuk rekod, Ekspo Republik Rakyat China-ASEAN (CAEXPO) ke-22 serta Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan Republik Rakyat China-ASEAN (CABIS) bakal berlangsung di bandar Nanning wilayah Guangxi pada 17 hingga 21 September. - ©BERNAMA

Mexico : Lori tangki meletup, angka korban meningkat kepada 8

MEXICO CITY, 12 Sept. - Seramai lapan mangsa meninggal dunia di hospital akibat kecederaan dialami manakala sekitar 20 orang lagi masih kritikal susulan letupan lori tangki di Mexico City, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) pada Khamis memetik pegawai. Ketua pertahanan awam tempatan, Myriam Urzúa berkata jumlah mangsa yang cedera turut meningkat kepada kira-kira 90 orang.

Menurut Datuk Bandar Mexico City Clara Brugada lori tangki berkapasiti 49,500 liter itu terbalik di bawah jejambat lebuh raya sebelum meletup. Letupan

mengakibatkan gelombang kejutan dan menyebabkan sekurang-kurangnya 18 kenderaan terbakar.

Presiden Claudia Sheinbaum menyampaikan rasa dukacita atas tragedi yang berlaku di kawasan kejiranan timur Santa Martha Acatitla di daerah Iztapalapa. "Takziah kepada semua keluarga yang kehilangan insan tersayang," katanya pada sidang media hariannya.

Brugada berkata pejabat pendakwa sedang menyiasat punca sebenar kemalangan itu. Menurut maklumat rasmi, pemandu trak tangki tersebut juga

cedera parah dan kini dirawat di hospital.

Mangsa yang cedera termasuk kanak-kanak kecil serta sekurang-kurangnya seorang anak damit. Foto dan video yang tular di media sosial memaparkan suasana cemas dengan mangsa melecur dalam keadaan pakaian koyak serta orang ramai Jennerit sambil melarikan diri selepas letupan berlaku.

Pasukan bomba berjaya memadamkan kebakaran selepas beberapa jam, kata penyelaras pertahanan awam negara, Laura Velázquez kepada stesen televisyen N+. - ©BERNAMA

Majlis Keselamatan PBB kutuk serangan Israel di Qatar

UNITED NATIONS, 12 Sept. - Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) pada Khamis mengutuk serangan Israel yang menyasarkan pegawai kanan Hamas di Doha, Qatar pada 9 Sept serta melahirkan rasa kesal atas kehilangan nyawa orang awam, lapor Xinhua.

Dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan Presiden UNSC Sangjin Kim, anggota majlis menekankan kepentingan meredakan ketegangan dan menyatakan solidariti mereka dengan

Qatar.

Anggota majlis turut menegaskan sokongan terhadap kedaulatan dan integriti wilayah Qatar, serta mengingatkan peranan penting negara itu sebagai pengantara dalam usaha damai di rantau berkenaan susulan perang di Gaza.

Mereka mengulangi kepentingan usaha diplomatik berterusan oleh Qatar bersama Mesir dan Amerika Syarikat, serta menggesa semua pihak merebut peluang untuk mencapai keamanan. - ©BERNAMA

Populasi centenarian di Jepun catat rekod baharu lebih 99,000 orang

TOKYO, 12 Sept. - Bilangan warga emas berusia 100 tahun ke atas atau *centenarian* di Jepun meningkat untuk tahun ke-55 berturut-turut kepada rekod baharu 99,763 orang, iaitu pertambahan 4,644 orang berbanding tahun sebelumnya, lapor Xinhua pada Jumaat memetik data kerajaan.

Menurut Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan, terdapat purata 80.58 orang *centenarian* bagi setiap 100,000 penduduk.

Data itu dikeluarkan menjelang cuti umum Respect for the Aged Day pada 15 September.

Wanita menyumbang kira-kira 88 peratus daripada jumlah itu iaitu 87,784 orang, manakala lelaki berjumlah 11,979 orang.

Wilayah dengan nisbah tertinggi *centenarian* bagi setiap 100,000 penduduk ialah Shimane di barat Jepun dengan 168.69, menduduki tempat pertama selama 13 tahun berturut-turut.

Purata jangka hayat rakyat Jepun pada 2024 ialah 87.13 tahun bagi wanita dan 81.09 tahun bagi lelaki.

Kerajaan Jepun memulakan tinjauan *centenarian* pada 1963 dengan hanya 153 orang dicatatkan.

Angka itu melepasi 1,000 orang pada 1981 dan 10,000 orang pada 1998. - ©BERNAMA

Perubahan tanah akibat La Nina ancam kediaman di Australia

CANBERRA, 12 Sept. - Kitaran La Nina yang semakin kerap di Australia membawa hujan lebat yang menjejaskan kestabilan tanah, sekali gus mengancam kediaman serta infrastruktur, menurut kajian terbaharu, lapor Xinhua.

Hujan berpanjangan akibat La Nina meningkatkan fenomena kembang-kecut pada tanah liat, yang boleh melemahkan asas bangunan, meretakkan paip dan merosakkan jalan raya, menurut kenyataan Universiti of South Australia (UniSA) pada Khamis.

Tanah liat berkenaan mengembang berulang kali apabila basah dan mengecut apabila kering, menyebabkan pergerakan tanah yang semakin teruk dan meluas, menurut kenyataan itu.

Para penyelidik menganalisis lebih 100 tahun data hujan dan iklim, yang menunjukkan fenomena La Nina berulang dengan kerap pada akhir abad ke-20, kemudian berkurangan, sebelum kembali meningkat dalam tempoh 25 tahun kebelakangan ini.

Kajian yang diterbitkan dalam Journal of Environmental Management itu turut mendapati tanah liat mudah mengembang dan menguncup dengan perubahan hujan bukan sahaja ketika kitaran La Nina, tetapi juga semasa El Nino.

Fenomena La Nina yang berlaku sejurus berakhirnya Kemarau Milenium di Australia (1997-2009) telah menyebabkan tanah mengembang sehingga merosakkan ribuan rumah yang dibina semasa tempoh kemarau itu.

"Malah sedikit perubahan dalam kitaran iklim boleh mengakibatkan keretakan, mandapan atau kos pembaikan yang tinggi," kata penulis bersama, Profesor UniSA Simon Beecham.

Beliau menggesa agar perubahan iklim diberi perhatian segera dalam strategi pembangunan, sambil memberi amaran ia boleh menjejaskan banyak kediaman di Australia tetapi masih kurang diberi perhatian setakat ini. - ©BERNAMA



NBD TARIK MINAT EJEN PELANCONGAN GOLF REPUBLIK KOREA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 September. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan baru-baru ini telah menganjurkan Lawatan Pengenalan (FAM Trip) selama lima hari untuk 10 ejen pelancongan golf dari Republik Korea.

Diadakan dari 26 hingga 30 Ogos 2025, inisiatif ini adalah lanjutan daripada penyertaan Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam Pameran Pelancongan Antarabangsa Seoul (Seoul International Travel Fair - SITF) pada Jun 2025, salah satu pameran perdagangan pelancongan terbesar di Republik Korea.

Di SITF, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mempamerkan produk pelancongan golf, rekreasi dan kebudayaannya.

Lawatan FAM ini bertujuan memperkenalkan NBD sebagai destinasi golf dan rekreasi yang menarik, di samping memenuhi minat para ejen untuk mengalami warisan budaya, hidangan tempatan dan tarikan semula jadi di negara ini.

Sepanjang program tersebut, para peserta telah melawat beberapa tarikan

utama di NBD, termasuk Istana Nurul Iman, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Kampong Ayer dan Lawatan Hutan Bakau, Taman Mahkota Jubli Emas serta Pusat Membeli-belah Yayasan Sultan Haji Hassanil Bolkiah.

Salah satu acara kemuncak lawatan ini ialah aktiviti bermain golf selama sehari penuh, yang merangkumi dua pusingan sembilan lubang di dua padang golf yang berbeza.

Walaupun masih merupakan pasaran yang sedang berkembang, Republik Korea telah menunjukkan pertumbuhan yang stabil sebagai sumber pelancong ke NBD. Penyertaan NBD dalam SITF Korea 2025 mencerminkan tumpuan strategik negara untuk membangunkan potensi ini.

Ketibaan pelancong dari Republik Korea meningkat daripada 4,671 pada tahun 2023 kepada 8,323 pada tahun 2024, dengan 4,565 pelawat direkodkan setakat Julai 2025.

Trend peningkatan ini mencerminkan tahap kesedaran dan minat yang semakin tinggi terhadap NBD sebagai destinasi pelancongan yang unik dan bermakna bagi



ANTARA ejen pelancong golf dari Republik Korea semasa Lawatan Pengenalan (FAM Trip) selama lima hari.

para pelancong Republik Korea.

Lawatan FAM Golf Korea ini menonjolkan potensi NBD dalam meneroka pasaran khusus seperti pelancongan golf, di samping mempamerkan warisan budaya dan alam semula jadi negara.

Jabatan Kemajuan Pelancongan komited untuk bekerjasama rapat dengan rakan-rakan dari Republik Korea melalui promosi yang disasarkan, pembangunan

produk serta penganjuran berterusan Lawatan FAM sepanjang tahun 2025, bagi memastikan produk pelancongan golf NBD mendapat pendedahan yang lebih luas di pasaran.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan tawaran pelancongan NBD, sila layari laman sesawang rasmi pelancongan Brunei di www.brunetourism.com atau @info.brunetourism di Instagram.

Indera SC berpesta gol

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Jumaat, 12 September. - Indera SC bawah 18 tahun (U18) petang tadi menang selesa ke atas FC Phosphor dengan keputusan perlawanan berakhir 7 - 1 pada Liga Belia Brunei Musim 2025 / 2026 bagi

Kategori Bawah 18 Tahun (U18) yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), di sini.

Awang Muhammad Kalish Wa'ie Awang Azman muncul wira bagi Indera SC setelah beraksi



AKSI para pemain pada perlawanan berkenaan.

cemerlang dengan menjaringkan sebanyak empat gol pada perlawanan berkenaan. Manakala dua gol pula dijaringkan oleh Noel Lim, sementara satu gol dijaringkan oleh Awang Abdul Matiin Abdullah.

Sementara itu, gol sulung bagi FC Phosphor dijaringkan oleh Awangku Khairil Hazim Pengiran Hamirul Hamdi.

Pada separuh masa pertama menyaksikan Indera SC mengawal permainan dengan baik dan seterusnya berjaya menjaringkan gol seawal minit ke-7 menerusi Awang Muhammad Kalish Wa'ie.

Manakala, pemain FC Phosphor, iaitu Awangku Khairil Hazim sempat mengejutkan Indera SC setelah menjaringkan gol selang dua minit kemudian.

Indera SC sekali lagi mendahului pasukan lawan apabila Noel Lim menjaringkan gol pada minit ke-28.

Sementara pada babak kedua perlawanan pula menyaksikan Indera SC terus sahaja melakukan serangan demi

serangan, sehingga berjaya menjaringkan gol menerusi Awang Muhammad Kalish Wa'ie yang berjaya menanduk masuk bola ke gawang lawan pada minit ke-52.

Indera SC terus lagi memanfaatkan kelebihan mereka pada separuh sudut apabila Awang Muhammad Kalish Wa'ie sekali lagi menanduk dengan baik pada minit ke-54, menewaskan penjaga gawang FC Phosphor.

FC Phosphor terus lagi berputih mata apabila kapten Indera SC, Noel Lim menjaringkan gol dari

jarak jauh pada minit ke-73.

Sementara Awang Abdul Matiin seterusnya menjaringkan gol keenam bagi Indera SC setelah mendapat umpanan dari sayap kanan yang disudahi dengan baik pada minit ke-87.

Indera SC yang beraksi cemerlang seterusnya menjaringkan gol terakhirnya pada perlawanan berkenaan menerusi Awang Muhammad Kalish Wa'ie pada minit ke-91.

Keputusan perlawanan kekal 7 - 1 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Tahukah Awda

DUTA Bahasa merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada mereka yang berusaha dan telah memberikan sumbangan yang besar dalam memperkasakan bahasa Melayu baik di peringkat nasional, serantau mahupun antarabangsa. Duta Bahasa ini akan menjadi suri teladan khususnya bagi generasi baharu di negara ini, di samping menjadi penyuntik semangat kepada masyarakat untuk menggunakan bahasa Melayu secara menyeluruh. Duta Bahasa pertama kali diberikan sempena Sambutan Bulan Bahasa 2015.

SUMBER : <http://www.dbp.gov.bn/>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SIFAT BERBURUK SANGKA MERUPAKAN RACUN YANG MEROSAKKAN HATI